

# BULETIN FSK

Jilid Volume **2** Bilangan Number **1** ISSN 2250-1852 Julai July **2018**

- Peranan MicroRNAs dalam Pengawalaturan Proses Hematopoiesis 1 – 4  
*Ramya Dewi A/P Mathialagan & Zariyantey Abd Hamid*
- Pemencilan *Acanthamoeba* sp. daripada Persekitaran Akuatik 5 – 10  
*Mohamed Kamel Abd Ghani, Nurulhuda, Anisah Nordin, Yusof Suboh, Noraina Abd Rahim & Norazah Ahmad*
- Qualitative Phytochemical Analysis and Antimicrobial Activity of *Illicium verum* against Foodborne Pathogens 11 – 17  
*Hartini Yusof, Siti Nasuha Abd Hadi, Reena Leeba Richard, Mohamad Azlan Abd Majid, Zed Zakari Abdul Hami*
- The Impact of Salt Boiled and Acid Boiled Treatments on Allergenicity of Giant River Prawn (*Macrobrachium rosenbergii*) 18 – 24  
*Komathi Sockalingam, Rosmilah Misnan, Zailatul Hani Mohd Yadzir, Noormalin Abdullah & Faizal Bakhtiar*
- Penentuan Tahap Kemurungan, Kebimbangan dan Tekanan Dalam Kalangan Pegawai Sains dan Staf Pelaksana di Fakulti Sains Kesihatan Universiti Kebangsaan Malaysia Kuala Lumpur 25 – 37  
*Anuar Ithnin and Amirul Razak*
- Preliminary Study of Antimicrobial Potential of *Pandanus amaryllifolius* Leaves using Methanol Solvent Extract against Pathogenic Bacteria 38 – 44  
*Hartini Yusof, Fathin Nur'ezzah Hishamuddin, Reena Leeba Richard, Mohamad Azlan Abd Majid & Zed Zakari Abdul Hamid*
- Kehadiran *Acanthamoeba* Dalam Swab Nasal Individu Normal 45 – 50  
*Mohamed Kamel Abd. Ghani, Andry Dauni, Anisah Nordin, Yusof Suboh, Noraina Abd Rahim & Norazah Ahmad*
- Kesan Variasi Diurnal Tekanan Intraokular ke atas Panjang Bola Mata pada Miopia 51 – 57  
*Norlaila Mat Daud & Nurhazimah Khir Johari*
- Kerintangan sista *Acanthamoeba* isolat persekitaran terhadap bendalir mukus ikan keli *Clarias batrachus* 58 – 62  
*Ahmad Zorin Sahalan, Asfarrieza Arsad, Anisah Nordin, Yusof Suboh, Noraina Ab Rahim, Norazah Ahmad & Mohamed Kamel Abd Ghani*
- Pemencilan *Acanthamoeba* spp. daripada Persekitaran Tanah 63 – 68  
*Mohamed Kamel Abd Ghani, Mimi Fazah, Anisah Nordin, Yusof Suboh, Noraina Abd Rahim & Norazah Ahmad*



**SIDANG EDITOR/ EDITORIAL BOARD**

**Penasihat**

SITI BALKIS BUDIN

**Ketua Editor / Editor-in-Chief**

MOHAMED KAMEL ABD GHANI

**Pembantu Ketua Editor / Assistant Editor-in-Chief**

AHMAD ZORIN SAHALAN

**Editor Jaringan / Web Editor**

MAZLYZAM ABD LATIFF

**Setiausaha Editorial / Editorial Secretary**

NURUL FARHANA JUFRI

RAHAIDA RAMLI

**Editor / Editors**

*Dietetik dan Nutrisi / Dietetic and Nutrition*

HASLINA ABD HAMID

*Kesihatan Persekitaran / Environmental Health*

HING HIANG LIAN

MUHAMMAD IKRAM ABD WAHAB

*Penjagaan Kesihatan / Healthcare*

BADRULZAMAN ABD HAMID

BASHIRA ISHAK

NOH AMIT

NOOR ALAUDIN ABD WAHAB

*Rehabilitasi / Rehabilitation*

NOORAFIFI RAZAOB@RAZAB

NOOR NAJWATUL AKMAL ABD RAHMAN

*Sains Forensik / Forensic Science*

KHAIRUL OSMAN

HUKIL SINO

*Sains Perubatan dan Diagnostik / Medical Science and Diagnostic*

MAZLYZAM ABD LATIFF

NURULFAHANA JUFRI

**Penasihat Antarabangsa / International Advisors**

BAY BOON HUAT, NATIONAL UNIVERSITY OF SINGAPORE, SINGAPORE

SUKUMAL CHONGTHAMMAKUN, MAHIDOL UNIVERSITY, THAILAND

WOJCIEH PAWLINA, MAYO CLINIC COLLEGE OF MEDICINE

SAMUEL TAY SAM WAH, NATIONAL UNIVERSITY OF SINGAPORE

**Jawatankuasa Editorial Teknikal / Technical Editorial board**

AZEEDA SHAMSUDIN

MAZLIN AMAN

DATU KHARNAIN DATU ZAINAL

## **Peranan MicroRNAs dalam Pengawalan Proses Hematopoiesis** (The Role of MicroRNAs in Regulating Haematopoiesis)

RAMYA DEWI A/P MATHIALAGAN, ZARIYANTEY ABD HAMID\*

### **ABSTRAK**

MicroRNAs (miRNAs) adalah jujukan RNAs bersaiz pendek yang terlibat dalam pengawalan transkripsi akhir dalam pelbagai proses biologi sel. Pengikatannya secara komplementari pada sasaran RNA pengutus boleh merangsang kemerosotan proses translasi dan degradasi molekul sasaran yang membawa kepada penurunan pengekspresan protein. Pengawalan translasi protein oleh miRNA adalah mekanisme pengawalan transkripsi akhir pengekspresan gen yang luas dan berevolusi. Oleh itu, sebahagian besar gen mamalia mungkin dikawal oleh miRNAs. Dalam sistem hematopoietik, kedua-dua pengawalan proses transkripsi dan transkripsi akhir pengekspresan gen menjamin kelancaran proses pembezaan dan keberfungsian sel stem, sel progenitor yang komited serta sel matang. MiRNAs telah dikaitkan pada semua peringkat haematopoiesis termasuklah untuk pengawalan aktiviti pembaharuan diri dan pembezaan sel-sel stem hematopoietik (HSCs) kepada sel hematopoietik berbeza keturunan. Dalam penulisan ini, peranan umum biogenesis miRNA dalam perkembangan sel-sel hematopoietik, serta fungsi-fungsi spesifik miRNAs tertentu dalam pengawalan haematopoiesis dibincangkan.

Kata kunci: MicroRNAs, Hematopoiesis

### **ABSTRACT**

MicroRNAs (miRNAs) are short non-coding RNAs involved in the posttranscriptional regulation of a wide range of biological processes. By binding to complementary sequences on targeted messenger RNAs, they trigger translational repression and degradation of the target, eventually resulting in reduced protein expression. MiRNA-dependent regulation of protein translation is a very widespread and evolutionarily conserved mechanism of posttranscriptional control of gene expression. Thus, a high proportion of mammalian genes are likely to be regulated by miRNAs. In the hematopoietic system, both transcriptional and posttranscriptional regulation of gene expression ensure proper differentiation and function of stem cells, committed progenitors as well as mature cells. MiRNAs have been implicated in all stages of haematopoiesis including for maintenance of self-renewal and differentiation activities of hematopoietic stem cells (HSCs) into hematopoietic lineages. In this review, the general role of miRNA biogenesis in the development of hematopoietic cells, as well as specific functions of individual miRNAs in regulation of haematopoiesis are discussed.

Keywords: MicroRNAs, Hematopoiesis, Lineage Commitment

### **PENGENALAN**

Hematopoiesis merupakan satu proses di mana sel stem hematopoietik (SSH) menghasilkan sel darah matang yang berfungsi dalam peredaran darah yang terdiri daripada eritrosit, trombosit, dan leukosit (Warr, Pietras, & Passegué, 2011). Proses hematopoiesis bermula dari pembahagian SSH

tidak simetri di mana mereka menghasilkan sel stem yang baru melalui proses pembaharuan diri dan juga proses pembezaan untuk menghasilkan sel progenitor bersifat multipotensi (*Multipotent progenitors*, MPP) (Seita & Weissman, 2010). Sel progenitor ini seterusnya akan melalui proses pembezaan untuk menghasilkan dua jenis progenitor berlainan keturunan iaitu progenitor

berketurunan mieloid dan limfoid (*common myeloid progenitor CMP/ common lymphoid progenitor, CLP*). CMP akan menjalani pembezaan sel untuk menghasilkan dua jenis progenitor iaitu progenitor megakariotik/eritroid (*megakaryocytes/erythroid progenitor, MEP*) dan progenitor mielomonositik (*myelomonocytic, GMP*) di mana kedua-dua progenitor ini masing-masing akan membentuk sel matang eritrosit/platlet dan granulosit/makrofaj. Manakala bagi CLP, pembezaannya akan menghasilkan sel progenitor jenis Pro-T, Pro-B, dan Pro-NK (*natural killer*) di mana ketiga-tiga jenis progenitor ini masing-masing dapat membeza kepada sel darah putih matang iaitu sel limfosit-T sel limfosit-B dan sel-NK (Boisset & Robin 2012).

#### **PERANAN MICRORNAs DALAM PROSES PEMBAHARUAN DAN PEMBEZAAN SEL STEM DAN PROGENITOR HEMATOPOIETIK**

Proses hematopoiesis secara umumnya dikawalatur melalui tindakbalas rangkaian genetik yang kompleks. Ini melibatkan pengawalaturan oleh rangkaian faktor transkripsi yang menentukan corak pengekspresan gen tertentu untuk setiap jenis sel (Huang, Cho, & Spangrude, 2007). Selain daripada penglibatan faktor transkripsi, terdapat beberapa kelompok microRNAs (miRNAs) yang juga di laporkan terlibat di dalam proses pengawalaturan hematopoiesis (O'Connell et al., 2010). MicroRNAs adalah jujukan RNAs bersaiz pendek yang tidak ditranslasikan kepada protein semasa pengawalaturan transkripsi akhir dalam proses biologi sel (Gulyaeva & Kushlinskiy, 2016). MiRNAs ini berupaya untuk mengikat secara komplementari pada sasaran RNA pengutus (*messenger RNA, mRNA*) yang terlibat dalam penghasilan protein, dan menyebabkan berlakunya kemerosotan fungsi mRNA dan penghasilan ekspresi protein yang sedikit. Pengawalaturan protein yang bergantung pada aktiviti miRNAs ini adalah antara mekanisme kawalan pengekspresan gen transkripsi akhir yang sangat meluas dan evolusional. Oleh itu, kajian mencadangkan bahawa miRNAs terlibat dalam mengawalatur pengekspresan gen bagi pelbagai proses biologi tubuh (O'Connell et al., 2010).

Dalam sistem hematopoietik, pengawalaturan genetik yang terlibat dalam proses pengekspresan gen dan transkripsi akhir adalah penting untuk memastikan pengekalan fungsi biologi sel stem dan progenitor bagi penghasilan sel darah matang dengan betul (Ardekani & Naeini, 2010). MiRNAs telah dikenalpasti terlibat dalam semua peringkat hematopoiesis termasuk dalam pengawalaturan keseimbangan di antara proses pembaharuan diri dan pembezaan SSH (O'Connell et al., 2010). Kumpulan miR-125 yang terdiri daripada miR-125a, miR-125b1 dan miR-125b2 dilaporkan memainkan peranan penting dalam pengawalaturan keseimbangan fungsi biologi sel hematopoietik pada peringkat yang paling primitif. Pengekspresan kumpulan miR-125 adalah tinggi pada populasi sel SSH dan sel progenitor hematopoietik (SPH) dan tahap pengekspresannya didapati menurun pada populasi sel yang matang (Gerrits et al., 2012). Peningkatan pengekspresan gen pada SPH yang dikawal oleh kelompok miRNAs ini adalah penting bagi merangsang proses proliferasi dan pembezaan sel. Selain miR-125, kajian juga menunjukkan bahawa pengekspresan kelompok miR-196 juga tinggi pada populasi sel SSH dan SPH. miR-196 pula didapati memainkan peranan penting dalam pengawalaturan proses hematopoiesis di mana ia diekspres bersama dengan gen HOX iaitu gen yang memainkan peranan penting dalam pengawalaturan proses pembaharuan diri dan pembezaan SSH (Yekta, 2004). Kelompok miR-196 berfungsi dalam mengekalkan SSH dalam fasa tidak membeza dengan merangsang transkripsi gen yang terlibat dalam proses proliferasi sel dan pada masa yang sama merencat ekspresi gen yang merangsang pembezaannya.

#### **PERANAN MICRORNAs DALAM PROSES HEMATOPOIESIS MELIBATKAN SEL BERLAINAN KETURUNAN**

Kajian menunjukkan bahawa pengawalaturan proses hematopoiesis bagi sel berlainan keturunan melibatkan kelompok miRNAs yang berbeza bagi setiap keturunan sel. Bagi pengawalaturan proses eritropoiesis, antara miRNAs yang terlibat ialah miR-15a, mir-24, miR-144 dan miR-451 (Wang et

al., 2014). Pembezaan eritroid memerlukan penindasan pengekspresan pembaharuan diri oleh SPH. Oleh itu, kebanyakan miRNA yang terlibat dalam regulasi sel eritroid biasanya menyasarkan gen yang terlibat dalam pembezaan keturunan mieloid seperti GATA-1 dan GATA-2, yang dikawal oleh miRNA-24, miR-27a dan miR-451. Manakala, dalam proses megakariopoiesis, miR-150 memainkan peranan penting dimana miRNA ini menyasarkan gen *c-myb* yang terlibat dalam regulasi faktor transkripsi seperti *Kruppel Like Factor* (Klf1) dan *Lmo2* yang menggalakkan eritropoiesis (Lorenzo et al., 2011). Semasa granulopoiesis, miR-223 pula bertindak dalam tapakjalan negatif berperingkat dengan menyahaktifkan faktor transkripsi erythroid NFI-A di peringkat RNA (Starnes et al., 2009). Mir-150 juga diekspreskan dalam sel B dan T matang. Namun demikian, penyekatan pembezaan sel B pada peringkat sel pro-B berlaku sekiranya miR-150 diaktifkan pengekspresannya pada tahap SPH (Zhou, Wang, Mayr, Bartel, & Lodish, 2007). Ini menunjukkan peranan miRNA tertentu dalam pengawalaturan hematopoiesis adalah berbeza mengikut masa dan jenis keturunan. Pengekspresan miR-150 boleh menggalakkan pembezaan sel T bukan sahaja melalui tapak jalan Notch, namun dengan penyekatan pembezaan keturunan yang lain seperti pembezaan sel B dalam sel-sel progenitor (Ghisi et al., 2011).

### KESIMPULAN

Kesimpulannya, miRNA memainkan peranan yang spesifik dalam setiap peringkat pengawalaturan hematopoiesis yang bermula dari sel stem yang bersifat primitif sehinggalah ke peringkat pembezaan sel-sel progenitor. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa ketaknormalan miRNA boleh mengganggu keseimbangan proses hematopoiesis secara signifikan dan seterusnya berupaya merangsang pelbagai ketaknormalan hematologi seperti leukemia. Oleh itu, penelitian lebih lanjut terhadap peranan miRNA dengan pengawalaturan proses hematopoiesis adalah penting bagi pemahaman mekanisme ketaknormalan hematologi yang melibatkan kecelaruan proses hematopoiesis bagi tujuan perubahan.

### PENGHARGAAN

Pengarang ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada  geran  penyelidikan FRGS/1/2016/SKK13/UKM/03/1  yang membiayai projek ini.

### RUJUKAN

- Ardekini, A.M. & Naeini, M.M. 2010. The Role of MicroRNAs in Human Diseases. *Avicenna Journal Medical Biotech* 2(4): 161-179.
- Boisset, J. C. & Robin, C. 2012. On the origin of hematopoietic stem cells: Progress and controversy. *Stem Cell Research*.
- Gerrits, A., Walasek, M. A., Olthof, S., Weersing, E., Ritsema, M., Zwart, E. & De Haan, G. 2012. Genetic screen identifies microRNA cluster 99b/let-7e/125a as a regulator of primitive hematopoietic cells. *Blood* 119(2): 377-387.u
- Ghisi, M., Corradin, A., Basso, K., Frasson, C., Serafin, V., Mukherjee, S. & Zanovello, P. 2011. Modulation of microRNA expression in human T-cell development: Targeting of NOTCH3 by miR-150. *Blood* 117(26): 7053-7062.
- Gulyaeva, L. F. & Kushlinskiy, N. E. 2016. Regulatory mechanisms of microRNA expression. *Journal of Translational Medicine* 14(1): 143.
- Huang, X., Cho, S. & Spangrude, G. J. 2007. Hematopoietic stem cells: generation and self-renewal. *Cell Death Differ* 14(11): 1851-1859.
- Lorenzo, P. I., Brendeford, E. M., Gilfillan, S., Gavrillov, A. A., Leedsak, M., Razin, S. V. & Gabrielsen, O. S. 2011. Identification of c-Myb target Genes in K562 cells reveals a role for c-Myb as a master regulator. *Genes & Cancer* 2(8): 805-17.
- O'Connell, R. M., Chaudhuri, A. A., Rao, D. S., Gibson, W. S. J., Balazs, A. B. & Baltimore, D. 2010. MicroRNAs enriched in hematopoietic stem cells differentially regulate long-term hematopoietic output. *Proceedings of the National Academy of Sciences* 107(32): 14235-14240.
- Seita, J. & Weissman, I. L. 2010. Hematopoietic stem cell: Self-renewal versus differentiation. *Wiley Interdisciplinary Reviews: Systems Biology and Medicine*. 14(7): 80-85
- Starnes, L. M., Sorrentino, A., Pelosi, E., Ballarino, M., Morsilli, O., Biffoni, M. & Peschle, C. 2009. NFI-A directs the fate of hematopoietic

- progenitors to the erythroid or granulocytic lineage and controls  $\beta$ -globin and G-CSF receptor expression. *Blood* 114(9): 1753–1763.
- Wang, F., Zhu, Y., Guo, L., Dong, L., Liu, H., Yin, H. & Yu, J. 2014. A regulatory circuit comprising GATA1/2 switch and microRNA-27a/24 promotes erythropoiesis. *Nucleic Acids Research* 42(1): 442–457.
- Warr, M. R., Pietras, E. M. & Passegué, E. 2011. Mechanisms controlling hematopoietic stem cell functions during normal hematopoiesis and hematological malignancies. *Wiley Interdisciplinary Reviews: Systems Biology and Medicine* 10(8): 708–710
- Yekta, S. 2004. MicroRNA-Directed Cleavage of HOXB8 mRNA. *Science* 304(5670): 594–596.
- Zhou, B., Wang, S., Mayr, C., Bartel, D. P. & Lodish, H. F. 2007. miR-150, a microRNA expressed in mature B and T cells, blocks early B cell development when expressed prematurely. *Proceedings of the National Academy of Sciences* 104(17): 7080–7085.

Ramya Dewi a/p Mathialagan  
Zariyantey Abd Hamid\*  
Biomedical Science Programme,  
Centre of Health and Applied Sciences,  
Faculty of Health Sciences, Universiti  
Kebangsaan Malaysia, Jalan Raja Muda Abdul  
Aziz, 50300 Kuala Lumpur, Malaysia

\*Corresponding author: zyantey@ukm.edu.my

**Pemencilan *Acanthamoeba* sp. daripada Persekitaran Akuatik**  
(Isolation of *Acanthamoeba* sp. from Aquatic Environment)

MOHAMED KAMEL ABD GHANI\*, NURULHUDA, ANISAH NORDIN, YUSOF SUBOH,  
NORAINA ABD RAHIM & NORAZAH AHMAD

**ABSTRAK**

*Acanthamoeba* sp. merupakan sejenis ameba hidup bebas yang boleh menyebabkan keratitis dan infeksi sistem saraf pusat. Ia telah ditemui dari pelbagai persekitaran khasnya persekitaran akuatik, tanah dan debu di udara. Di Malaysia kajian *Acanthamoeba* di persekitaran masih lagi kurang. Kajian ini dijalankan untuk memencilkan *Acanthamoeba* sp. daripada persekitaran akuatik. Sebanyak 80 sampel air telah diambil terdiri daripada air laut (20), air tasik (30), dan air sungai (30). Sebanyak 500 ml sampel air setiap satu daripada laut, tasik dan sungai dimasukkan ke dalam botol Schott yang steril. Kesemua sampel dituras menggunakan membran turas dengan liang bersaiz 5 µm. Sedimen yang diperolehi diletakkan di atas agar bukan nutrien yang telah dititiskan dengan *Escherichia coli* matian haba. Plat kemudian dieram pada suhu 30°C dan diperiksa setiap hari di bawah mikroskop songsang selama 14 hari untuk melihat jika ada sebarang pertumbuhan *Acanthamoeba* sp. Secara keseluruhannya, hampir 42.5% (34/80) daripada keseluruhan sampel menunjukkan kehadiran *Acanthamoeba*. Bagi sampel air tasik sebanyak 53.3% memberikan kultur positif, diikuti dengan sampel air laut (50%) dan air sungai (26.6%). Hasil penemuan ini menunjukkan pelbagai jenis persekitaran akuatik berupaya menyediakan habitat untuk organisma ini membiak. Penemuan organisma ini daripada persekitaran akuatik menjadi peringatan berguna tentang potensi jangkitan yang boleh disebabkan olehnya.

Kata kunci: Pemencilan; *Acanthamoeba*; persekitaran akuatik; Malaysia

**ABSTRACT**

*Acanthamoeba* sp. is a free-living amoeba that can cause keratitis and infection of the central nervous system. It has been isolated from various environment especially the aquatic environment, soil and dust in the air. However, research on *Acanthamoeba* in the Malaysian environment is still very limited. This study was carried out to isolate *Acanthamoeba* sp. from various aquatic environments. A total of 80 water samples were collected from the sea (20), lakes (30) and rivers (30). 500 mls of water samples each from sea, lakes and rivers were collected into sterilised Schott bottle. All samples were filtered through a membrane filter of 5 µm pore size. Heat-killed *Escherichia coli* as nutrient source was overlaid onto the surface of non-nutrient agar (NNA). The plates were incubated at 30°C and examined daily using inverted microscope for 14 days for growth of *Acanthamoeba* sp. Approximately 42.5% (34/80) of total collected samples showed positive culture for *Acanthamoeba*. In lake samples, 53.3% were positive for *Acanthamoeba* followed by seawater (50%) and river samples (26.6%). These findings indicate that the various aquatic environment have the potential to provide a niche for *Acanthamoeba* to thrive. The presence of these organisms in various aquatic environment should alert us on their potential infection risk.

Key words: Isolation; *Acanthamoeba*; Aquatic environment; Malaysia



## PENGENALAN

Persekitaran akuatik telah menjadi habitat bagi pelbagai jenis mikroorganisma samaada yang patogenik mahupun yang tidak. Ia juga menjadi habitat sesuai bagi ameba hidup bebas seperti *Acanthamoeba sp.* yang tersebar luas di persekitaran termasuk air, udara dan tanah. Kepentingan perubatan *Acanthamoeba* terserlah kerana ia boleh menyebabkan jangkitan mata yang dipanggil keratitis yang boleh menyebabkan kebutaan. Disamping itu ia juga boleh menyebabkan jangkitan pada otak yang boleh membawa maut. Organisma ini hadir di persekitaran dan tisu manusia dalam 2 peringkat hidup iaitu peringkat sista yang sangat rintang terhadap keadaan persekitaran dan peringkat trofozoit yang mampu berensistasi dalam keadaan persekitaran yang tidak sesuai untuk ia terus bermandiri (Ma et al. 1990).

Keratitis *Acanthamoeba* biasanya berlaku dalam kalangan pengguna kanta sentuh dan penggunaan kanta sentuh dianggap sebagai salah satu faktor risiko yang utama. Ameba ini boleh hidup dalam peralatan kanta sentuh seperti bekas simpanan dan larutan kanta sentuh. Ia juga telah ditemui dalam air paip (Mohamed Kamel et al. 2017; Seal et al. 1992) yang kadangkala digunakan untuk membasuh kanta sentuh oleh pengguna yang kurang prihatin. Sumber kontaminasi boleh diperolehi daripada persekitaran apabila pengguna membasuh kanta sentuh dengan air paip atau salin pencuci yang tidak steril atau pemakaian kanta sentuh semasa mandi atau berenang (Kilvington & White 1994; Schaumberg et al. 1998). Selain daripada penggunaan kanta sentuh, keratitis *Acanthamoeba* juga berasosiasi dengan insidens trauma pada mata atau pendedahan mata kepada air terkontaminasi. Di India, kebanyakan kes keratitis *Acanthamoeba* melibatkan golongan petani yang mendapat jangkitan semasa bekerja (Sharma et al. 2000), sebagai contoh akibat percikan tanah ataupun air lumpur yang terkontaminasi kepada mata.

Namun, bilangan kes keratitis yang semakin meningkat di seluruh dunia dan juga di Malaysia (Kamel et al. 2005; Mohamed Kamel et al. 2000) memerlukan penyelidikan menyasiat lebih lanjut persekitaran akuatik yang berkemungkinan menjadi sumber penyebaran organisma ini. Tambahan pula, laporan mengenai kehadiran

ameba hidup bebas ini di persekitaran akuatik di Malaysia masih kurang dan oleh itu bagi memahami dengan lebih jelas, hubungan antara infeksi *Acanthamoeba sp.* terhadap manusia dengan sumber penyebab infeksi, kajian ini dijalankan untuk menentukan kehadiran *Acanthamoeba sp.* di dalam beberapa persekitaran akuatik seperti air laut, tasik dan sungai.

## BAHAN DAN KAEDAH

### Pemilihan dan kaedah pengambilan sampel

Persampelan air laut dilakukan di dua lokasi yang berbeza iaitu di Morib dan Mersing. Sebanyak 10 sampel diambil daripada setiap lokasi dengan menggunakan botol Schott 500 ml. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, pantai Morib boleh dikategorikan sebagai pantai tercemar manakala pantai Mersing masih dilindungi dan kurang tercemar. Sampel diambil pada kawasan permukaan air yang berbeza. Lapisan teratas permukaan air terdiri daripada 'microlayer' yang merupakan kawasan yang padat dengan ameba ini.

Sampel air diambil daripada 3 batang sungai (Sungai Ulu Yam, Sungai Bukit Belacan dan Sungai Gabai) dan 3 buah tasik (Tasik Titiwangsa, Tasik Bangi dan Tasik Perdana). Sebanyak 10 sampel air diambil daripada setiap sungai dan tasik. Sampel dimasukkan ke dalam botol Schott 500 ml. Bagi sampel air sungai, sampel diambil daripada bahagian permukaan air pada kawasan berbeza. Manakala bagi sampel air tasik, sampel diambil di kawasan persisiran tasik kerana kawasan ini menjadi tempat pempendapan bahan organik.

### Pemprosesan sampel

Teknik pemprosesan yang digunakan adalah mengikut kaedah oleh Gradus et al. 1989. Sebanyak 500 ml air yang diambil dituras dengan menggunakan pam vakum. Membran turas selulos nitrat bersaiz liang 5um diletakkan di atas set penuras sebelum proses penurasan dijalankan. Apabila proses penurasan selesai, membran turas dipindahkan daripada set penuras. Kemudian, membran tersebut diletakkan secara terbalik di atas plat agar bukan nutrien yang mengandungi *E. coli* matian haba dan dieram pada suhu 30°C. Sampel kemudian diperiksa di bawah mikroskop songsang selama 14 hari sebelum sampel tersebut disahkan negatif.

### **Kaedah identifikasi *Acanthamoeba***

Bagi peringkat trofozoit, pergerakan ameba di atas agar membentuk tapak laluan beralun dengan garis halus. Saiz trofozoit berukuran di antara 15-45 um. Terdapat kehadiran akantopodia yang mempunyai struktur halus pada permukaan ameba dan vakuol kontraktil yang mengecut setiap 30-60 saat. Pergerakannya perlahan dan terdapat kehadiran nukleus dengan kariosom yang besar.

Bagi peringkat sista, terdapat 2 lapisan dinding iaitu lapisan luar, ektosista dan lapisan dalam, endosista. Ektosista berkedut dan endosista berbentuk bintang, empat atau tiga segi ataupun bulat. Saiz sista adalah di antara 10-25 um.

## **HASIL**

### **Hasil pemencilan *Acanthamoeba sp.***

Sebanyak 34 daripada 80 (42.5%) sampel menunjukkan hasil positif kehadiran *Acanthamoeba sp.* Bilangan sampel positif daripada setiap lokasi yang diambil ditunjukkan dalam Jadual 1. Bagi air laut, sampel daripada Morib menunjukkan peratusan pencilan tertinggi sebanyak 90%. Bagi sampel air tasik pula, Tasik Titiwangsa menunjukkan pencilan tertinggi sebanyak 70% manakala untuk sampel air sungai, Sungai Gabai mencatat peratusan tertinggi sebanyak 40%. Jadual 2. menunjukkan peratusan sampel yang positif mengikut jenis sampel. *Acanthamoeba sp.* paling banyak dipencilkan daripada sampel air tasik dengan peratusan sebanyak 53.3% diikuti dengan air laut 50% dan air sungai 26.6%.

### **Hasil pengkulturan kawalan positif dan kawalan negatif**

Pertumbuhan *Acanthamoeba sp.* berlaku pada kesemua plat kawalan positif. Manakala bagi plat kawalan negatif, tiada sebarang pertumbuhan yang berlaku. Hasil ujian ini ditunjukkan dalam Jadual 3.

## **PERBINCANGAN**

Kehadiran ameba ini di persekitaran akuatik bergantung kepada pelbagai faktor seperti struktur dan fisiologi organisma terabit, keadaan cuaca dan tahap pencemaran persekitaran. Namun begitu, setakat ini tiada bukti kukuh yang menyatakan hubungan di antara pengaruh alam sekitar atau bahan kimia dan kehadiran ameba di persekitaran akuatik (Rivera et al. 1991).

Berdasarkan hasil kajian ini, prevalens *Acanthamoeba sp.* daripada sampel air tasik menunjukkan peratusan tertinggi iaitu 53.3%. Mengikut kajian yang dijalankan oleh John dan Howard (1996), ameba ini ditemui tersebar meluas di persisiran tasik. Fakta ini turut disokong oleh kajian terdahulu yang dijalankan oleh Kyle dan Noblet (1985) yang menyatakan *Acanthamoeba sp.* paling banyak ditemui di kawasan yang padat dengan bahan partikulat yang biasanya banyak terdapat di persisiran tasik. Fakta ini mengukuhkan hasil yang diperolehi dalam kajian ini kerana persampelan air tasik dibuat di sekitar persisiran tasik.

Selain itu, populasi *Acanthamoeba sp.* di dalam tasik berkait rapat dengan kandungan bahan kimia yang terlarut dalam air tasik (Kyle & Noblet 1987; Kyle & Noblet 1986). Walaubagaimanapun, satu kajian yang lain menyatakan kehadiran *Acanthamoeba sp.* di dalam air tasik tidak dipengaruhi oleh faktor suhu air tasik tersebut (O'Dell 1979).

Prevalens *Acanthamoeba sp.* daripada sampel air laut dalam kajian ini adalah 50%. Dalam kajian ini, persampelan air laut dilakukan pada kawasan permukaan air. Pada permukaan air laut terdapat kawasan 'microlayer' yang melapisi lapisan teratas permukaan air laut (Davies et al. 1978). Kawasan 'microlayer' yang lebih tercemar mengandungi banyak bakteria yang menjadi sumber makanan bagi ameba ini (Sawyer et al. 1982). Kajian yang dijalankan oleh Kyle dan Noblet (1985), mendapati *Acanthamoeba sp.* banyak ditemui di kawasan yang padat dengan partikel yang terdapat pada permukaan air laut.

Kehadiran *Acanthamoeba sp.* dalam air sungai pernah dilaporkan dalam kajian terdahulu (Visvesvera & Stehr-Green 1990). Oleh itu, kehadiran ameba ini dalam sampel air sungai yang dikaji tidak mengejutkan kerana ia telah berjaya dipencilkan dalam kajian sebelum ini.

JADUAL 1. Pemencilan *Acanthamoeba sp.* daripada sampel persekitaran akuatik.

Jenis sampel	Bilangan sampel yang positif <i>Acanthamoeba sp.</i> / jumlah keseluruhan sampel yang diuji
1. Air Laut	
Morib	9/10 (90%)
Mersing	1/10 (10%)
2. Air Tasik	
Tasik Titiwangsa	7/10 (70%)
Tasik Bangi	4/10 (40%)
Tasik Perdana	5/10 (50%)
3. Air Sungai	
Ulu Yam	1/10 (10%)
Bukit Belacan	3/10 (30%)
Sungai Gabai	4/10 (40%)

JADUAL 2. Peratus sampel yang positif mengikut jenis sampel

Jenis sampel	Bilangan sampel yang positif/ jumlah keseluruhan sampel	Peratus sampel yang positif (%)
Air Laut	10/20	50
Air Tasik	16/30	53.3
Air Sungai	8/30	26.6

JADUAL 3. Hasil pengkulturan sampel kawalan positif dan kawalan negatif

	Sampel kajian	Sampel kawalan positif	Sampel kawalan negatif
Kultur positif	34	17	0
Kultur negatif	46	0	17
Jumlah keseluruhan	80	17	17

Dalam kajian ini, sebanyak 26.6% *Acanthamoeba* telah berjaya dipencilkan daripada sampel air sungai. Peratusan ini kurang berbanding peratusan yang dicatatkan bagi sampel air tasik dan laut. Ini mungkin disebabkan aliran air sungai yang mengalir secara konsisten menyusuri sepanjang sungai. Oleh itu, ameba ini turut dialirkan bersama air sungai untuk menuju ke tempat takungan utama iaitu di laut.

Tiada sebarang pertumbuhan pada plat kawalan negatif sebaliknya ia hadir dalam kesemua plat kultur kawalan positif. Ini menunjukkan tiada sebarang kontaminasi berlaku daripada persekitaran sepanjang proses pengkulturan dijalankan.

Teknik penurasan digunakan dalam kajian ini untuk memerangkap *Acanthamoeba sp.* yang mungkin hadir di dalam sampel. Teknik ini adalah teknik yang biasa digunakan untuk memencilkan *Acanthamoeba sp.* daripada persekitaran akuatik (Gradus et al. 1989).

Membran turas digunakan untuk memerangkap *Acanthamoeba sp.* yang mungkin hadir. Membran turas yang biasa digunakan dalam kajian mikrobiologi ialah selulos. Ia dipilih kerana mempunyai ciri-ciri seperti hidrofilik, boleh diautoklaf dan berpotensi dalam pelekatan organisma tertentu. Ciri hidrofilik perlu diambil kira dalam kajian mikrobiologi air. Ia berupaya mengikat protein dengan kapasiti 150 µg/cm<sup>2</sup>, secara tidak langsung ia berpotensi melekatkan organisma yang dikehendaki.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Gradus et al. (1989), membran turas daripada jenis selulos nitrat dengan liang bersaiz 0.22 µm digunakan untuk diagnosis *Acanthamoeba sp.* Walaubagaimanapun, dalam kajian ini, membran turas jenis selulos nitrat dengan saiz liang 5 µm digunakan. Ini kerana membran turas bersaiz 0.22 µm menyebabkan pengumpulan banyak debris dan bendasing yang tidak dikehendaki yang boleh mengganggu proses penurasan.

Dalam kajian ini, teknik yang digunakan untuk mendiagnos *Acanthamoeba* adalah teknik pengkulturan. Pengkulturan adalah kaedah yang paling sensitif untuk melihat kehadiran ameba ini (Walker 1996). Media kultur yang digunakan untuk mengkulturkan *Acanthamoeba sp.* ialah agar bukan nutrien. Ia merupakan media selektif yang

digunakan untuk diagnosis *Acanthamoeba sp.* (Page 1967).

Ameba ini telah dibuktikan wujud di persekitaran akuatik dalam kajian yang dilakukan di luar negara. Keputusan yang diperolehi melalui kajian ini menunjukkan *Acanthamoeba sp.* memang wujud di persekitaran akuatik di Malaysia.

## KESIMPULAN

Kajian pemencilan *Acanthamoeba sp.* daripada persekitaran akuatik yang dipilih telah berjaya membuktikan kehadirannya. Daripada 80 sampel yang diambil daripada pelbagai jenis persekitaran akuatik, 34 (42.5%) daripadanya menunjukkan hasil yang positif. Hasil kajian ini mendapati *Acanthamoeba sp.* hadir di dalam air tasik dengan peratusan tertinggi diikuti dengan air laut dan air sungai. Sementara itu, kehadiran organisma ini di dalam beberapa jenis persekitaran akuatik yang diuji, seharusnya menjadi peringatan tentang potensi jangkitan yang boleh disebabkan olehnya.

## RUJUKAN

- Davies, P.G., Caron, D.A. & Sieburth, J.M.N. 1978. Oceanic amoebae from the North Atlantic: Culture, distribution and taxonomy. *Transactions of the American Microscopy Society* 97: 73-88.
- Gradus, M.S., Koenig, S.B., Hyndiuk, R.A. & Decarlo, J. 1989. Filter culture technique using amoeba saline transport medium for the noninvasive diagnosis of *Acanthamoeba* keratitis. *American Journal of Clinical Pathology* 92: 682-685.
- John, D.T. & Howard, M.J. 1996. Isolation of thermotolerant free living amebae from Lake Tenkiller, Oklahoma. *Proceedings of the Oklahoma Academy of Science* 76: 1-4.
- Kamel AGM, Haniza H, Anisah N, Yusof S, Faridah H, Norhayati M & Norazah A 2005. More *Acanthamoeba* keratitis cases in Malaysia. *International Medical Journal* 12(1): 7-9.
- Kilvington, S. & White, D.G. 1994. *Acanthamoeba*: biology, ecology and human disease. *Reviews in Medical Microbiology* 5(1): 12-20.

- Kyle, D.E. & Noblet, G.P. 1985. Vertical distribution of potentially pathogenic free-living amoebae in freshwater lakes. *Journal of Protozoology* 32: 99-105.
- Kyle, D.E. & Noblet, G.P. 1986. Seasonal distribution of thermotolerant free-living amoebae. I. Willard's Pond. *Journal of Protozoology* 33: 422-434.
- Kyle, D.E. & Noblet, G.P. 1987. Seasonal distribution of thermotolerant free-living amoebae. II. Lake Issaqueena. *Journal of Protozoology* 34: 10-15.
- Ma, P., Visvesvera, G.S., Martinez, A.J., Theodore, F.H., Daggett, P.M. & Sawyer, T.K. 1990. *Naegleria* and *Acanthamoeba* infections: Review. *Reviews of Infectious Diseases* 12(3): 490-510.
- Mohamed Kamel, A.G., Faridah Hanom, A., Norazah, A., Noor Rain, A., Hay, J. & Seal, D. 2000. A case of waterborne contact lens associated *Acanthamoeba* Keratitis from Malaysia: successful treatment with Chlorhexidine and Propamidine. *International Medical Journal* 7(1): 63-65.
- Mohamed Kamel, A.G., Nurulhuda S., Anisah, N., Yusof S., Noraina AR. & Norazah, A. 2017. Isolation of *Acanthamoeba* spp. from domestic water tap. *Buletin FSK* 1(1): 89-94.
- O'Dell, W.D. 1979. Isolation, enumeration and identification of amoeba from Nebraska Lake. *Journal of Protozoology* 26(2): 265-269.
- Page, F.C. 1967. Re-definition of the genus *Acanthamoeba* with descriptions of three species. *Journal of Protozoology* 14: 709-724.
- Rivera, F., Lares, F., Ramirez, E., Bonilla, S., Labastida, A., Ortiz, R. & Hernandez, D. 1991. Pathogenic *Acanthamoeba* isolated during an atmospheric survey in Mexico. *Reviews of Infectious Disease* 13(5): S388-S389
- Sawyer, T.K., Lewis, E.J., Galasso, M., Lear, D.W., O' Malley, M.L., Adams, W.N. & Gaines, J. 1982. Pathogenic amoebae in ocean sediments near waste water sludge disposal sites. *Journal of Water Pollution Control Federation* 54: 1318-1323.
- Schaumberg, A.D., Snow, K.K. & Dana, M.R. 1998. The epidemic of *Acanthamoeba* keratitis: Where do we stand. *Cornea* 17(1): 3-10.
- Seal, D.V., Stapleton, F. & Dart, J. 1992. Possible environmental sources of *Acanthamoeba* spp. in contact lens wearers. *British Journal of Ophthalmol* 76:424-427.
- Sharma, S., Garg, P. and Rao, G.N. (2000). Patients characteristics, diagnosis, and treatment of noncontact lens related *Acanthamoeba* keratitis. *British Journal of Ophthalmol.* 84:10:1103-8.
- Visvesvera, G.S. & Stehr-Green, J.K. 1990. Epidemiology of free living ameba infections. *Journal of Protozoology* 37(4): 25S-33S.
- Walker, C.W.B. 1996. *Acanthamoeba*: ecology, pathogenecity and laboratory detection. *British Journal of Biomedical Science* 53: 146-151.
- Mohamed Kamel Abd Ghani\*  
Nurulhuda  
Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 50300 Jalan Raja Muda Abdul Aziz, Kuala Lumpur
- Anisah Nordin  
Yusof Suboh  
Noraina Abd Rahim  
Jabatan Parasitologi, Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Norazah Ahmad  
Institut Penyelidikan Perubatan, Jalan Pahang, Kuala Lumpur

\*Corresponding author: profkamel@ukm.edu.my

## Qualitative Phytochemical Analysis and Antimicrobial Activity of *Illicium Verum* Against Foodborne Pathogens

HARTINI YUSOF, SITI NASUHA ABD HADI, REENA LEEBA RICHARD, MOHAMAD AZLAN ABD MAJID, ZED ZAKARI ABDUL HAMID\*

### ABSTRACT

The occurrence of food-borne diseases caused by pathogenic microorganisms led to a public concern on food safety. Moreover, chemical preservatives that are known to be toxic are widely contained (used) in food (industry) while synthetic antibiotics that are used to treat these diseases might cause side effects to the consumers. Due to the potential human health risks, antimicrobial drugs derived from organic products (i.e. herbs and spices) can be an alternative source for modern medicine. The aim of this study was to evaluate antimicrobial activity of *Illicium verum* (star anise) extract against foodborne pathogens and investigate phytochemical compounds found from the spices. Antimicrobial Susceptibility Testing (AST) by disc diffusion method, determination of Minimum Inhibitory Concentration (MIC) using broth microdilution method and Minimum Bactericidal Concentration (MBC) via sub-cultivation in well suspension onto Tryptic Soy Agar media were performed in this study. The largest diameter zone of inhibition was shown by *S. aureus* and *E. coli* followed by *S. typhimurium* and *B. cereus*. In addition, the phytochemical compounds were screened and results revealed that glycosides, phenols, alkaloids, tannins and terpenoids were found present in the extract. In conclusion, the methanolic extract of *Illicium verum* contained antimicrobial activity against selective food-borne pathogens, hence, considered to be an alternative for food preservative.

**Keywords:** *Illicium verum*, antimicrobial activity, pathogenic bacteria, food-borne diseases, phytochemical compound

### ABSTRAK

Penyakit bawaan makanan yang berlaku disebabkan oleh mikroorganisma patogenik membawa kepada kebimbangan orang ramai terhadap keselamatan makanan. Selain itu, bahan pengawet kimia yang toksik juga banyak digunakan secara meluas di dalam makanan manakala antibiotik sintetik yang digunakan untuk merawat penyakit tersebut boleh menyebabkan kesan sampingan kepada para pengguna. Oleh kerana potensi risiko kesihatan terhadap manusia, ubat-ubatan antimikrobial yang diperolehi daripada produk organik (iaitu herba dan rempah) boleh menjadi sumber alternatif kepada perubatan moden. Tujuan kajian ini adalah untuk menilai aktiviti antimikrobial bagi ekstrak *Illicium verum* (bunga lawang) terhadap patogen bawaan makanan dan mengenalpasti sebatian fitokimia yang didapati daripada rempah tersebut. 'Antimicrobial Susceptibility Testing' (AST) dengan kaedah 'disc diffusion', 'Minimum Inhibitory Concentration' (MIC) menggunakan kaedah 'microdilution' dan 'Minimum Bactericidal Concentration' (MBC) melalui pengkulturan dalam media 'Tryptic Soy Agar' telah dijalankan dalam kajian ini. Zon diameter terbesar telah ditunjukkan oleh *S. aureus* dan *E. coli* diikuti oleh *S. typhimurium* dan *B. cereus*. Di samping itu, sebatian fitokimia daripada ekstrak tersebut telah disaring dan didapati mengandungi glikosida, fenol, alkaloid, tanin dan terpenoid. Kesimpulannya, ekstrak metanol bunga lawang mengandungi aktiviti antimikrob terhadap patogen bawaan makanan yang terpilih, dan berpotensi sebagai alternatif sebagai pengawet makanan.

**Kata kunci:** *Illicium verum*, aktiviti antimikrobial, bakteria patogenik, penyakit bawaan makanan, sebatian fitokimia

## INTRODUCTION

Globally, foodborne outbreak is still an ongoing issue and considered a public health threat that resulted in social and economic problems (Wilcock et al. 2004; Jeyaletchumi et al. 2010; WHO 2015). The method of transmission or infection of foodborne diseases is either due to the ingestion of bacteria, viruses or parasites or consumption of non-infectious agents like toxin and chemicals (Linscott 2011).

Moreover, diarrhoea, the most known symptom of foodborne diseases, had affected 1 in every 10 people each year with African and South-East Asia regions revealed the highest burden of foodborne cases (WHO 2015). In Malaysia alone, approximately 50% of foodborne cases resulted due to unhygienic food handlers (Sharifa Ezat 2013; Abdul-Mutalib et al. 2015). *Salmonella typhi*, *Staphylococcus aureus*, *Escherichia coli* and *Clostridium perfringens* are some of the common agents of foodborne outbreaks (Pires et al. 2012). To make matters worse, these pathogens does not emit foul odour or food spoilage characteristics (New et al. 2017) resulting in difficulties to observe or sense that food may not be suitable to be consumed.

Numerous efforts that involved the physical and chemical approaches, had been carried out to control the increasing rate of foodborne pathogen (Sibi et al. 2013) ranging from changing of temperature, pH, osmotic pressure, usage of weak organic acids, hydrogen peroxide and organic biomolecules (Ray 1996; Brull & Coote 1999). Meanwhile, chemical preservatives that includes the usage of monosodium glutamate (MSG), aspartame, saccharin and nitrates are widely used as food additives to produce desirable effects (Chaudhary 2010). However, prolonged consumption of these synthetic materials can cause adverse effects such as childhood hyperactivity (Tuormaa 1994) and other behavioural disorders as well as eczema (Gultekin et al. 2013). Another alarming concern centered on the rising of antibiotic resistance of several pathogens associated with foodborne disease (White et al. 2002; Walsh & Fanning 2008; DeWaal & Grooters 2013). Hence, many had resorted to natural-based approach for food safety, especially spices. Spices had become a very important commodity in each household. However, limited findings available on

highlighting the antimicrobial activity of spices (Arora & Kaur, 1999; Ceylan & Fung, 2004; de Souza et al. 2005).

One of the most known spices, star anise is not only a common choice but it also contained health benefits. Star anise or scientifically known as *Illicium verum* Hook. f., is commonly used star-shaped spice that produced the scent of anise (Parthasarathy et al., 2008). Star anise is classified as family *Illiciaceae*, order *Austrobaileyales*, subclass *Magnoliidae*, class *Magnoliopsida* and division *Magnoliophyta* (Wang et al. 2011). Although star anise is commonly grown in Asian countries, its usage is not limited within the region but had yet disseminated worldwide. In China, star anise is one of the essential spices in the five-spice powders used in Chinese cooking and act as flavour enhancer in Chinese stew whilst in Europe countries, the spice was first introduced in the seventeenth century (Wang et al., 2011). From then onwards, the usage of star anise had broaden until it is today – used in confectionary industries and added as flavours to liquors (Parthasarathy et al., 2008).

The aim of this study is to investigate whether the methanol extract of *Illicium verum* had the antimicrobial activities to selected foodborne pathogens that commonly caused foodborne diseases. Furthermore, this study would also provide the information regarding the phytochemical constituents or secondary metabolites present in *Illicium verum* that may contribute to its antimicrobial properties. In addition, preliminary phytochemical screening test was also performed in order to qualitatively screen the presence of compounds and associate their presence with antimicrobial activity.

## MATERIALS AND METHODS

### Sample preparation

One kg of *Illicium verum* (star anise) was bought and grinded into fine powder by a grinding machine or blender. The powdered form of star anise was kept in airtight container and stored in dry place until further use.

### Extraction method

The extraction method was carried out based on a study by Vijayakumar et al. (2012) with slight

modification. 250 g of star anise powder was weighed with analytical balance and soaked in 1 L of methanol for 72 hrs with intermittent shaking. Then, the solution was filtered into a Schott bottle by using Whatmann No. 1 filter paper. The filtrate was concentrated under reduced pressure by using rotary vacuum evaporator at 40°C. The crude extract obtained was stored in a sealed, sterile container at 4°C until use.

#### **Bacterial strains and antibiotics**

There are four types of bacterial strains that were used, namely *Staphylococcus aureus* (ATCC 43300), *Bacillus cereus* (ATCC 14579), *Escherichia coli* (ATCC 25922) and *Salmonella typhimurium* (ATCC 13311) with antibiotics consisted of Tetracycline (30 µg), Gentamicin (10 µg), Streptomycin (10 µg) and Ampicillin (10 µg), respectively. The bacterial stocks were obtained from Microbiology Laboratory, Centre of Medical Laboratory Technology, Faculty of Health Sciences, UiTM Puncak Alam Campus, Selangor. Each bacterial suspension was prepared by inoculating 5 mL of Tryptic Soy Broth (TSB) with three to five colonies of bacteria obtained from Blood Agar plate prior to incubation at 37°C for 2 to 3 hrs. The turbidity of the suspension was adjusted equivalent to 0.5 MacFarland standards (Cavalieri 2009). Meanwhile, the confirmation tests of these organisms were performed for each organism that include sub-culturing on different agar medium (i.e. Blood Agar, Nutrient Agar, Mueller Hinton Agar).

#### **Antibiotic susceptibility testing (AST) test**

The *Illicium verum* crude extract was prepared by transferring 20 µL of 250 mg/mL onto sterile filter paper discs prior to dry at room temperature for 24 hrs. Positive control was carried out using standard antibiotics as mentioned above (Cockerill 2012; Vijayakumar et al. 2012) while for negative control, 10 µL of 10% DMSO was placed onto a filter paper disc. Then, three to five colonies of organism were selected from nutrient agar and suspended into Tryptic Soy Broth (TSB) as stated by Cavalieri (2009). Interpretation of sensitivity or resistance of the inhibition zones was determined by the measurement of diameter. The experiment was performed three times to confirm the reproducible results and the mean±SD (Standard Deviation) for zone of inhibition were determined.

#### **Minimum inhibitory concentration (MIC) and minimum bactericidal concentration (MBC) tests**

Bacterial suspension that only showed sensitivity against *Illicium verum* crude extract was prepared as mentioned by Cavalieri (2009). In order to determine MIC value, 96-microtiter well plate was used by detecting the well with the lowest concentration of extract that completely inhibit the growth of the tested organism. Meanwhile, for the determination of MBC, a loop contained bacterial suspension (Shalayel et al. 2017) that showed no visible growth in MIC well was sub-cultured on Tryptic Soy Agar (TSA) prior to incubation at 37°C for 24 hrs. Both procedures were performed in triplicate to obtain reproducible results.

#### **Phytochemical analysis**

The qualitative test of methanol extracts of *Illicium verum* was performed in triplicates according to Deb et al. (2013) and Sibi et al. (2013) with slight modification. The methanol extract of *Illicium verum* were screened for presence of glycosides (using Fehling's test method), phenols (using Ferric Chloride's test method), alkaloids (using Wagner's test method), tannins (using Ferric Chloride's test method) and terpenoids (using Salkowski's test method).

### **RESULTS AND DISCUSSION**

In this study, dried *Illicium verum* was used as most scientists reported that the water content may influence the solubility of subsequent separation, hence, the secondary metabolic plants components need to be stable (Ncube et al. 2008), especially in determining the antimicrobial agent from a plant material. Besides, a better efficacy of extraction can be achieved by increasing the surface area of the plant material by grinding it into powdered-form (Tiwari et al. 2011). Meanwhile, methanol was used during the extraction process as the solvent has been found easier to penetrate into the cellular membrane of plant material and to extract out the intracellular compounds (Jones & Kinghorn 2006; Tiwari et al. 2011). Previous studies had reported that methanol able to exhibit more activity than aqueous extract (Ahmad & Beg, 2001; Nair et al. 2005;) and proven to be more consistent (Parekh et al. 2005). In addition, other



findings of *Illicium verum* also used methanol as solvent in extraction procedure (Shan et al. 2007; Sibi et al. 2013). In addition, positive control consisted of Ampicillin, Gentamicin, Streptomycin and Tetracycline were selected in this study as the aforementioned are considered commercial standards that are commonly used in most studies that exhibit against a wide range of gram-positive and gram-negative bacteria (Halawani 2009; Ahmed et al. 2010; Aburowais et al. 2017).

- Tan MA, Takayama H, Aimi N, Kitajima M, Franzblau SG, & Nonato MG. 2008. Antitubercular triterpenes and phytosterols from *Pandanus tectorius* Soland. var *laevis*. *J Nat Med*. 62(2):232-235.
- Wakte K, Zanan R, Saini A, Jawali N, Thengane R, & Nadaf A. 2012. *Pandanus amaryllifolius* Roxb. cultivated as a spice in coastal regions of India. *Genet Resour Crop Ev*. 59(7):1583-1595.
- Wongpornchai S, Sriseadka T, & Choonvisase, S. 2003. Identification and quantitation of the rice aroma compound, 2-acetyl-1-pyrroline, in bread flowers (*Vallaris glabra* Ktze). *J Agr Food Chem*. 51:457-462.
- Yilmaz MT. 2012. Minimum inhibitory and minimum bactericidal concentrations of boron compounds against several bacterial strains. *Turk J Med Sci*. 42(2):1423-1429.
- Yoshihashi T. 2002. Quantitative analysis on 2-acetyl-1-pyrroline of an aromatic rice by stable isotope dilution method and model studies on its formation during cooking. *J Food Sci*. 67(2):619-622.
- Ysrael MC, Santiago M, & Nonato MG. 1995. Diuretic studies of five *Pandanus* species. *Acta Manila*. 43:25-30.

Hartini Yusof  
Fathin Nur'Ezzah Hishamuddin  
Zed Zakari Abdul Hamid\*  
Centre of Medical Laboratory Technology,  
Faculty of Health Sciences,  
Universiti Teknologi MARA,  
Puncak Alam Campus,  
42300 Bandar Puncak Alam,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Reena Leeba Richard  
Mohamad Azlan Abd Majid  
Department of Parasitology,  
Faculty of Medicine,  
University of Malaya,  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

\*Corresponding author:  
zedhamid@salam.uitm.edu.my

## **Kehadiran *Acanthamoeba* dalam Swab Nasal Individu Normal** (Presence of *Acanthamoeba* sp. in Nasal Swabs of Normal Individual)

MOHAMED KAMEL ABD. GHANI, ANDRY DAUNI, ANISAH NORDIN, YUSOF SUBOH,  
NORAINA ABDUL RAHIM & NORAZAH AHMAD

### **ABSTRAK**

*Acanthamoeba* sp. adalah sejenis ameba hidup bebas yang tersebar luas di persekitaran semulajadi. Organisma ini boleh menyebabkan keratitis, meningoensefalitis ameba bergranuloma (GAE) dan infeksi kutaneous. Kajian ini dijalankan untuk memencilkan *Acanthamoeba* sp. daripada nasal, individu normal. Seramai 71 orang telah dijadikan subjek kajian yang terdiri daripada kanak-kanak Tadika Bijak, pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah Tanjung Karang, pelajar UKM Kampus Kuala Lumpur, kakitangan pembersihan KTSN, pekerja kuari dan kakitangan yang berkhidmat dengan kerajaan. Pengambilan swab nasal dilakukan pada setiap subjek. Kesemua sampel dikulturkan mengikut tatacara piawai dan diinokulasikan ke atas plat agar bukan nutrien yang telah dititiskan dengan *Escherichia coli* matian haba. Plat agar kemudian dieram pada suhu 30°C dan diperiksa setiap hari selama 14 hari di bawah mikroskop kebalikan untuk mengesan sebarang kehadiran trofozoit *Acanthamoeba* sp. Hasil kajian ini mendapati *Acanthamoeba* sp. berjaya dipencilkan daripada nasal individu normal dengan peratusan sebanyak 5.6%. Hasil positif diperolehi daripada pelajar UKM Kampus Kuala Lumpur dan keputusan ini membuktikan kehadiran *Acanthamoeba* sp. pada nasal individu normal. Kumpulan *Acanthamoeba* yang dipencil terdiri daripada kumpulan polyphagids dan culbertsonids. Golongan yang berisiko tinggi untuk memberikan hasil positif juga dikenalpasti iaitu mereka yang mempunyai sejarah terdedah dengan persekitaran berdebu dan bersentuhan dengan tanah.

Kata kunci: Isolasi; *Acanthamoeba*; Swab nasal; Malaysia

### **ABSTRACT**

*Acanthamoeba* sp. is a free-living amoeba that is widely distributed in the natural environment. This organism can cause keratitis, granulomatous amoebic meningoencephalitis (GAE) and cutaneous infection. This study was carried out to isolate *Acanthamoeba* sp. from nasal of normal individual. A total of 71 persons had been recruited as subjects which consist of children from Tadika Bijak, students from primary and secondary school around Tanjung Karang, students of the UKM Kuala Lumpur Campus, KTSN's cleaners, quarry workers and government staffs. Nasal swabs were collected from all subjects. All samples were cultured using standard method and inoculated on non-nutrient agar plates overlaid with *Escherichia coli*. The plates were incubated at 30°C and examined daily using inverted microscope for 14 days for the presence of trophozoites or cysts of *Acanthamoeba* sp. The result of this study established that *Acanthamoeba* spp. were successfully isolated from nasal cavity of normal individual at a percentage of 5.6%. Positive results came from students of UKM Kuala Lumpur Campus and these results proved the presence of *Acanthamoeba* sp. in the nasal cavity of normal individual. The *Acanthamoeba* groups isolated are the polyphagids and culbertsonids. The group of people at risk of harbouring *Acanthamoeba* had also been identified as those who had a history exposure to dusty environment and contact with soil.

Key words: Isolation; *Acanthamoeba*; Nasal swab; Malaysia.



## PENGENALAN

Ameba yang tergolong dalam genera *Acanthamoeba* adalah hidup bebas dan tersebar luas dalam persekitaran semula jadi (Martinez & Visvesvara 1997) di seluruh dunia. Ia dapat dipencilkan daripada tanah, debu, udara, air semula jadi dan yang dirawat, air laut, kolam renang, air kumbahan, sedimen, unit pendingin udara, air paip domestik, unit rawatan gigi, unit dialisis dan hospital, bekas pencuci mata dan peralatan kanta sentuh. *Acanthamoeba* adalah agen penyebab kepada meningoensefalitis ameba bergranuloma (GAE), sejenis penyakit pada sistem saraf pusat (SSP) yang boleh membawa kematian dan keratitis ameba (AK), sejenis penyakit mata yang boleh mengancam penglihatan seseorang (Jones et al. 1975; Nagington et al. 1974). Kajian mendapati *Acanthamoeba* sp. juga berkait rapat dengan lesi kutaneus dan sinusitis dalam pesakit AIDS dan individu lain yang terimunokompromi (Dunand et al. 1997; Friedland et al. 1992; Gullet et al. 1979).

Di Malaysia, pemencilan *Acanthamoeba* sp. daripada peralatan kanta sentuh, persekitaran akuatik, tanah, udara, pasir pantai, air laut dan air paip telah berjaya dilakukan oleh penyelidik tempatan (Mohamed Kamel et al. 2013; Mohamad Hasrul 2004; Mohamed Kamel et al. 2017; Wan Norliana 2002). Manusia kemungkinan mempunyai kontak yang kekal dengan organisma ini terutamanya peringkat sista yang resistan (Mergeryan 1991). Infeksi *Acanthamoeba* sp. boleh mengakibatkan penyakit serius dengan morbiditi dan mortaliti tinggi (Martinez & Visvesvara 1997). Infeksi ke atas sistem saraf pusat (SSP) biasanya berakhir dengan kematian dalam jangka masa beberapa minggu ke bulan. Berbanding dengan infeksi SSP, keratitis *Acanthamoeba* sp. biasanya tidak akan merebak tetapi mempunyai morbiditi yang sangat signifikan, sering kali memerlukan satu atau lebih pemindahan kornea atau proses enukleasi yang sempurna (Ma et al. 1990). Pengguna kanta sentuh adalah berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan infeksi ini, terutamanya bila terdapat mikroabrasi pada kornea (Garner 1993).

Kajian-kajian sebelum ini yang dilakukan sama ada penyelidik tempatan atau luar negara telah membuktikan bahawa *Acanthamoeba* sp. boleh dipencilkan daripada manusia iaitu daripada epitelium nasal individu normal (Schuster &

Visvesvara 2004) khasnya pada musim berangin. Sista *Acanthamoeba* mudah tersebar melalui udara dan boleh sampai ke permukaan epitelium nasal (Lemgruber et al. 2010). Daripada kaviti nasal, ia boleh sampai ke sistem saraf pusat melalui saluran respiratori dan peredaran darah (Khan 2007, Siddiqui & Khan 2012).

Kes pertama keratitis *Acanthamoeba* sp. di Malaysia yang melibatkan seorang wanita pada tahun 1995 menunjukkan bahawa negara ini tidak terlepas daripada ancaman parasit ini (Mohamed Kamel & Norazah 1995). Bermula dengan kes tersebut, maka pelbagai kajian untuk melihat sebaran ameba ini di persekitaran negara telah dijalankan. Namun demikian, pemencilan ameba hidup bebas ini daripada rongga nasal individu normal masih jarang dilakukan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menguji sejauh mana kekerapan atau peratus kehadiran *Acanthamoeba* sp. pada nasal individu normal sekaligus membuktikan sejauh mana pendedahan manusia ke atas organisma ini.

## BAHAN DAN KAEDAH

Swab nasal diambil daripada setiap peserta yang merupakan individu normal yang menjadi subjek kajian. Subjek yang dipilih secara rawak daripada umur dan tempat yang berlainan. Jumlah keseluruhan subjek yang dipilih adalah seramai 71 orang. Untuk kumpulan subjek yang pertama seramai 10 orang telah diambil daripada kanak-kanak Tadika Bijak, Jalan Semarak, iaitu mereka yang berumur dari 4 hingga 7 tahun. Kumpulan subjek seterusnya diambil daripada pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah Tanjung Karang yang berumur di antara 7 hingga 19 tahun. Jumlah subjek yang diambil seramai 14 orang. Sementara untuk kumpulan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), seramai 24 orang subjek telah dipilih daripada lingkungan umur 19 hingga 29 tahun. Pelajar UKM yang diambil termasuk pelajar yang tinggal di Kolej Tun Syed Nasir (KTSN) 1 dan 2 serta mereka yang tinggal di luar kolej. Seramai 10 orang subjek yang berumur daripada 22 hingga 33 tahun diambil daripada kakitangan pembersihan KTSN. Selain itu, kumpulan subjek seramai 8 orang yang berumur daripada 19 hingga 44 tahun diambil daripada pekerja Kuari Daerah Kepong. Kumpulan subjek terakhir iaitu seramai 5 orang diambil daripada mereka yang berkhidmat

dengan kerajaan iaitu dalam lingkungan 24 hingga 60 tahun. Pengambilan subjek adalah seimbang dari sudut jantina.

Sampel diambil dengan melakukan swab pada rongga nasal, menggunakan swab yang steril. Sampel yang diperolehi dimasukkan ke dalam botol universal yang mengandungi 10 ml larutan salin Page sebagai media pengangkut. Sampel swab yang telah dimasukkan ke dalam botol universal yang mengandungi larutan salin Page akan di 'vortex' selama tiga minit untuk memastikan kesemua organisma termasuk *Acanthamoeba* sp. ditanggalkan daripada swab dan permukaan dinding botol universal. Membran turas dengan saiz liang 0.45 µm diletakkan di atas sistem penuras dengan menggunakan forsep steril. Sampel yang telah di 'vortex' kemudian dituang ke dalam corong penuras dan dituras menggunakan pam vakum.

Setelah proses penurasan selesai, dengan menggunakan forsep steril, membran turas yang mengandungi sedimen sampel akan dipindahkan secara terbalik ke atas permukaan agar bukan nutrien yang telah dititiskan dengan suspensi *E. coli* matian haba. Seterusnya, plat dieram pada suhu 30°C dan selepas 3 hari pengeraman sampel diperiksa untuk kehadiran trofozoit atau sista *Acanthamoeba* di bawah mikroskop kebalikan selama 14 hari sebelum disahkan negatif.

Bagi pengecaman kumpulan *Acanthamoeba*, kriteria Page (1967) digunakan semasa mengamati peringkat sista menggunakan program Image Analysis Software Video-Test 4.0. Saiz dan morfologi dinding sista iaitu endosista dan ektosistanya dapat memberi gambaran mengenai kumpulan *Acanthamoeba* samada kumpulan I (astronyxids), kumpulan II (polyphagids) atau kumpulan III (culbertsonids).

## HASIL KAJIAN

Pemencilan daripada swab nasal, menunjukkan 4 daripada 71 (5.6%) sampel adalah positif dengan kehadiran *Acanthamoeba* sp. (Jadual 1). Keempat-empat subjek yang positif terhadap *Acanthamoeba* adalah merupakan pelajar UKM Kampus Kuala Lumpur (Jadual 2). Pengenalpastian *Acanthamoeba* sp. daripada sampel swab yang positif mengikut kumpulan ditunjukkan di dalam Jadual 3 dan dua kumpulan yang dikenal pasti ialah kumpulan polyphagids dan culbertsonids. Seperti yang dijangkakan dalam pengkulturan kawalan positif dan kawalan negatif, didapati pertumbuhan *Acanthamoeba* sp. hanya berlaku pada plat kawalan positif dan tiada sebarang pertumbuhan *Acanthamoeba* sp. dalam plat kawalan negatif.

JADUAL 1. Peratus keseluruhan sampel swab nasal yang positif *Acanthamoeba* sp.

Jenis sampel	Bilangan sampel yang positif / jumlah keseluruhan sampel	Peratus sampel yang positif <i>Acanthamoeba</i> sp. (%)
Swab Nasal	4 / 71	5.6

JADUAL 2. Pemencilan *Acanthamoeba* sp. daripada swab nasal individu normal

Jenis Sampel	Bilangan sampel positif <i>Acanthamoeba</i> sp. / jumlah keseluruhan Sampel yang diuji	(%)
Swab Nasal:		
1. Kanak-kanak Tadika Bistari	0 / 10	0
2. Sekolah rendah dan sekolah menengah Tanjung Karang	0 / 14	0
3. Pelajar UKM kampus Kuala Lumpur	4 / 24	16.6
4. Kakitangan pembersihan KTSN	0 / 10	0
5. Pekerja Kuari	0 / 8	0
6. Kakitangan berkhidmat dengan kerajaan	0 / 5	0

JADUAL 3. Pengenalpastian jenis kumpulan *Acanthamoeba* sp. yang dipencil.

Jenis sampel	No. Subjek	Kumpulan
Swab Nasal:		
Pelajar UKM kampus Kuala Lumpur	26	<i>polyphagids</i>
	28	<i>polyphagids</i> dan <i>culbertsonids</i>
	30	<i>culbertsonids</i>
	33	<i>culbertsonids</i>

### PERBINCANGAN

Penyelidikan terdahulu berikutan penemuan atau pengenalpastian ameba hidup bebas ini lebih kepada pemencilan iaitu penentuan sebaran *Acanthamoeba* sp. di dalam pelbagai bentuk persekitaran. Dengan pemencilan ini, tempat-tempat atau sumber-sumber yang berisiko untuk mendatangkan infeksi *Acanthamoeba* sp. dapat ditentukan. Hasil kajian pemencilan yang dilakukan di luar negara mendapati *Acanthamoeba* sp. ini tersebar dengan meluas di dalam persekitaran akuatik, tanah, udara dan habuk (Kingston & Warhust 1969; Mergeryan 1991; Visvesvera & Stehr-Green 1990, Mazur 1995). Pada manusia sendiri, *Acanthamoeba* sp. pernah diisolasi daripada nasal (Lawande et al. 1979), kulit (Marshall 1997), tekak (Wang & Feldman 1967) dan tulang (Borochovitz et al. 1981).

Di Malaysia yang turut tidak terlepas daripada ancaman ameba hidup bebas ini, juga telah menjalankan penyelidikan khususnya kajian dari segi pemencilan. Antara pemencilan *Acanthamoeba* sp. yang pernah dilakukan sebelum ini iaitu pemencilan daripada kornea bagi pesakit keratitis (Mohamed Kamel & Norazah 1995), pemencilan daripada peralatan kanta sentuh dan swab mata individu normal (Mohamed Kamel et al. 2013), pemencilan daripada persekitaran akuatik, tanah dan udara (Nurulhuda 2002; Mohamad Hasrul 2004), pemencilan daripada pasir pantai dan air laut (Wan Norliana 2002) dan pemencilan daripada air paip (Mohamed Kamel et al. 2017). Kesemua pemencilan yang dilakukan menunjukkan hasil positif kehadiran *Acanthamoeba* sp. kecuali pemencilan daripada swab mata individu normal (Anisah et al. 2005) dan udara.

Dalam kajian ini, *Acanthamoeba* spp. telah berjaya dipencilkan daripada 5.6% (4/71) sampel swab nasal individu normal. Sekaligus ini membuktikan kajian yang dilakukan oleh para penyelidik luar negara sebelum ini. Daripada kumpulan subjek yang dipilih secara rawak, pelajar UKM Kampus Kuala Lumpur adalah satu-satunya sumber yang menunjukkan hasil keputusan positif ini. Berbanding dengan hasil keputusan yang diperolehi oleh Michel et al. (1982) yang menunjukkan peratusan sehingga 13%, peratusan yang diperolehi daripada kajian ini menunjukkan keputusan yang agak rendah. Dalam laporan Jonckheere (1988), *Acanthamoeba* sp. telah dipencilkan daripada kaviti nasal manusia dalam bilangan yang banyak dan kajian ke atas strain isolat mendapati 30% strain tumbuh pada 40°C dan digolongkan pada kumpulan spesies yang sangat patogenik.

Keempat-empat subjek yang menunjukkan hasil positif bagi swab nasal mempunyai sejarah atau faktor risiko terdedah dengan persekitaran luar yang berdebu dan terlibat dalam aktiviti yang bersentuhan dengan tanah. *Acanthamoeba* sp. ini kemungkinan diperolehi melalui salah satu atau kedua-dua sumber faktor risiko tersebut.

Kajian pemencilan ini hanya mengenalpasti *Acanthamoeba* sp. di peringkat kumpulan sahaja. Dua kumpulan iaitu kumpulan II (polyphagids) dan kumpulan III (culbertsonids) berjaya dipencilkan berdasarkan pemerhatian morfologi endosista dan ektosista. Kedua-dua kumpulan ini merupakan kumpulan *Acanthamoeba* yang utama di persekitaran, khasnya kumpulan polyphagids. Kumpulan polyphagids juga terkenal sebagai kumpulan yang mempunyai patogenisiti yang tinggi. Kolonisasi *Acanthamoeba* pada kaviti nasal berkait rapat dengan kebolehannya untuk tersebar luas melalui udara dalam bentuk sista yang rintang. Debu dan partikel tanah boleh dibawa oleh udara dan membenarkan sebaran sista *Acanthamoeba* ke epithelium nasal, bertukar ke peringkat trofozoit dan kemudian berjaya mengkolonisasi rongga nasal. Infeksi *Acanthamoeba* juga dipengaruhi oleh sifat-sifat perumah dan jangkitan pada manusia juga bergantung kepada kerentanan dan higennya.

Walaupun peratus pemencilan *Acanthamoeba* pada swab nasal individu normal agak rendah dalam kajian ini, ia menggambarkan pendedahan manusia terhadap *Acanthamoeba* sp.

adalah rendah. Bagaimanapun ini membuktikan *Acanthamoeba* sp. boleh dipencilkan daripada tubuh manusia walaupun bukan sebagai flora normal.

## RUJUKAN

- Anisah N, Amal H, Kamel AG, Yusof S, Noraina AR, Norhayati M. 2005. Isolation of *Acanthamoeba* sp. from conjunctival sac of healthy individuals using swab. *Tropical Biomedicine* 22:1;11-14.
- Borochoviz, D., Martinez, A.J. & Patterson, G.T. 1981. Osteomyelitis of a bone graft of the mandible with *Acanthamoeba castellanii* infection. *Human Pathology* 12: 573-576.
- Dunand, V.A., Hammer, S.M., Rossi, R., Poulin, M., Albrecht, M.A., Doweiko, J.P., DeGirolami, P.C., Coakley, E., Piessens, E. & Wanke, C.A. 1997. Parasitic sinusitis and otitis in patients infected with human immunodeficiency virus: report of five cases and review. *Clinical Infectious Diseases* 25: 267-272.
- Friedland, L.R., Raphael, S.A., Deutsch, E.S., Johal, J., Martyn, L.J., Visvesvara, G.S. & Lischner, H.W. 1992. Disseminated *Acanthamoeba* infection in a child with symptomatic human immunodeficiency virus infection. *Journal of Pediatric Infectious Diseases* 11:404-407.
- Garner, A. 1993. Pathogenesis of acanthamoebic keratitis: hypothesis based on a histological analysis of 30 cases. *British Journal of Ophthalmology* 77: 366-370.
- Gullett, J., Mills, J., Hadley, K., Podemski, B., Pitts, L. & Gelber, R. 1979. Disseminated granulomatous *Acanthamoeba* infection presenting as an unusual skin lesion. *American Journal of Medicine* 67: 891-896.
- Jonckheere, J.F.D. 1988. Species identification and virulence of *Acanthamoeba* strains from human nasal mucosa. *Parasitol Res* 74: 314-316.
- Jones, B.R., Visvesvara, G.S. & Robinson, N.M. 1975. *Acanthamoeba polyphaga* keratitis and *Acanthamoeba* uveitis associated with fatal meningoencephalitis. *Trans. Ophthalmology Society U.K.* 95: 221-232.
- Khan NA. 2007. *Acanthamoeba* invasion of the central nervous system. *Int J Parasitol* 37: 131-138.
- Kingston, D. & Warhurst, D.C. 1969. Isolation of amoebae from the air. *Journal of Medical Microbiology* 2: 27-36.
- Lawande, R.V., Abraham, S.N., John I. & Egler L.J. 1979. Recovery of soil amoebas from the nasal passages of children during the dusty hartmattan period in Zaria. *American Journal of Clinical Pathology* 71:201-203.

- Lemgruber L, Lupetti P, De Souza W, Vommaro RC, da RochaAzevedo B. 2010. The fine structure of *Acanthamoeba polyphaga* cyst wall. FEMS Microbiol Lett 305: 170-176.
- Ma, P., Visvesvara, G.S., Martinez, A.J., Theodore, F.H., Dagget, P.M. & Sawyer, T.K. 1990. *Naegleria* dan *Acanthamoeba* infections: Review. Reviews of Infectious Diseases 12(3): 490-510.
- Marshall, M.M., Naumovitz, D., Ortega, Y. & Sterling, C.R. 1997. Waterborne protozoan pathogens. Clinical Microbiology Reviews 10(1): 67-85.
- Martinez, A.J & Visvesvera, G.S. 1997. Free-living, amphizoic and opportunistic amebas. Brain Pathology 7: 583-589.
- Mazur, T., Hades, E. & Iwanicka, I. 1995. The duration of cyst stage and the viability and virulence of *Acanthamoeba* isolates. Tropical Medicine Parasitology 46: 106-108.
- Mergeryan, H. 1991. The prevalence of *Acanthamoeba* in the human environment. Reviews of infectious Diseases 13(5): S390-S391.
- Michel, R., Rohl, R. & Schneider, H. 1982. Isolation of free-living amoebae from nasal mucosa of healthy individuals. Zentralbl Bakteriologie Microbiology Hygiene 176(2-3): 155-9.
- Mohamad Hasrul Adzhar, H. 2004. Pemencilan *Acanthamoeba* sp. daripada persekitaran akuatik, tanah dan udara. Tesis Sarjana Muda. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Kamel, A.G. & Norazah, A. 1995. First case of *Acanthamoeba* keratitis in Malaysia. Transactions of the, Royal Society of Tropical Medicine and Hygiene 89: 652.
- Mohamed Kamel Abd Ghani, Saleha Abdul Majid, Noradillah Samseh Abdullah, Anisah Nordin, Yusof Suboh, Noraina Abd Rahim, Haliza Abdul Mutalib and Norazah Ahmad. 2013. Isolation of *Acanthamoeba* spp. From Contact Lens Paraphernalia. International Med Journal 20:1;66-68.
- Mohamed Kamel Abd Ghani, Nurulhuda Sharif, Anisah Nordin, Yusof Suboh, Noraina Abd Rahim & Norazah Ahmad. 2017. Isolation of *Acanthamoeba* spp. from domestic water taps. Buletin FSK 1(1):89-94.
- Nagington, J., Watson, P.G., Playfair, T.J., McGill, J., Jones, B.R. & Steele, A.D. 1974. Amoebic infection of the eye. Lancet ii:1537-1540.
- Nurulhuda, S. 2002. Pemencilan *Acanthamoeba* sp. daripada persekitaran akuatik. Tesis Sarjana Muda. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Page, F.C. 1967. Re-definition of the genus *Acanthamoeba* with descriptions of three species. Journal of Protozoology 14:709-724.
- Schuster FL, Visvesvara GS. 2004. Free-living amoebae as opportunistic and non-opportunistic pathogens of humans and animals. Int J Parasitol 34: 1001-1027.
- Siddiqui R, Khan NA. 2012. Biology and pathogenesis of *Acanthamoeba*. Parasit Vectors 5: 6. doi: 10.1186/1756-3305-5-6.
- Visvesvara, G.S. & Stehr-Green, J.K. 1990. Epidemiology of free-living amoebae infections. Journal of Protozoology 37(4): 25S-33S.
- Wan Norliana, A., 2002. Pemencilan *Acanthamoeba* sp. daripada pasir pantai dan air laut di pantai barat, Semenanjung Malaysia. Disertasi Diploma. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wang, S.S. & Feldman, H.A. 1967. Isolation of *Hartmanella* species from human throats. The New England Journal of Medicine 277(22):1174-9.

Mohamed Kamel Abd. Ghani\*  
 Andry Dauni  
 Program Sains Bioperubatan,  
 Fakulti Sains Kesihatan,  
 Universiti Kebangsaan Malaysia,  
 Jalan Raja Muda Abdul Aziz  
 50300 Kuala Lumpur, Malaysia

Anisah Nordin  
 Yusof Suboh  
 Noraina Abdul Rahim  
 Jabatan Parasitologi dan Entomologi Perubatan,  
 Fakulti Perubatan, PPUKM,  
 Jalan Yaacob Latif,  
 Bandar Tun Razak,  
 56000 Batu 9 Cheras,  
 Kuala Lumpur

Norazah Ahmad  
 Institut Penyelidikan Perubatan,  
 50588 Jalan Pahang,  
 Kuala Lumpur, Malaysia

\*Corresponding author: profkamel@ukm.edu.my

## Kesan Variasi Diurnal Tekanan Intraokular ke atas Panjang Bola Mata pada Miopia

(Effect of Diurnal Variation Intraocular Pressure on Axial Length in Myopia)

NORLAILA MAT DAUD & NURHAZIMAH KHIR JOHARI

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan variasi diurnal tekanan intraokular ke atas panjang bola mata pada subjek miopia. Pengukuran tekanan intraokular dan panjang bola mata dilakukan pada 44 orang subjek dengan min umur  $21.57 \pm 1.44$  tahun. Kesemua subjek mempunyai miopia rendah dengan kuasa sfera setara  $\leq -3.00$  D. Bacaan tekanan intraokular dan panjang bola mata diambil pada dua sesi iaitu 9.00 pagi hingga 10.00 pagi dan 3.00 petang hingga 4.00 petang pada hari yang sama. Hanya keputusan mata kanan digunakan dalam analisa. Keputusan menunjukkan variasi diurnal tekanan intraokular adalah signifikan,  $p < 0.05$  ( $p = 0.000$ ). Variasi panjang bola mata juga adalah signifikan,  $p < 0.05$  ( $p = 0.018$ ). Namun, tiada korelasi antara tekanan intraokular dan panjang bola mata waktu pagi,  $p > 0.05$  ( $p = 0.260$ ) dan waktu petang,  $p > 0.05$  ( $p = 0.206$ ). Oleh itu, variasi diurnal tekanan intraokular didapati tidak memberi kesan kepada panjang bola mata. Kesimpulannya, tiada kesan variasi diurnal tekanan intraokular ke atas panjang bola mata pada subjek miopia. Variasi diurnal panjang bola mata yang berlaku adalah disebabkan faktor lain dan tidak dipengaruhi oleh variasi diurnal tekanan intraokular.

Kata kunci: variasi diurnal, tekanan intraokular, panjang bola mata, miopia

### ABSTRACT

The purpose of this study was to investigate the effect of diurnal intraocular pressure on the axial length of myopic subjects. Measurement of intraocular pressure and axial length were done on 44 subjects with mean age  $21.57 \pm 1.44$  years old. All subjects were low myopes with spherical equivalent power of  $\leq -3.00$  D. Measurements were done in two sessions, morning 9.00 am to 10.00 am and afternoon 3.00 pm to 4.00 pm. Only right eye results was used for analysis. Results showed significant difference in diurnal variation of intraocular pressure,  $p < 0.05$  ( $p = 0.000$ ) and diurnal variation of axial length,  $p < 0.05$  ( $p = 0.018$ ). However, there was no correlation found between diurnal intraocular pressure and axial length in the morning,  $p > 0.05$  ( $p = 0.260$ ) and afternoon,  $p > 0.05$  ( $p = 0.206$ ). Therefore, diurnal variation of intraocular pressure did not give effect to the axial length. In conclusion, there is no effect of diurnal intraocular pressure variation on the axial length in myopic. Diurnal axial length variation occurs due to other factors and was not affected by diurnal intraocular pressure variation.

Keywords: Diurnal variation, intraocular pressure, axial length, myopia

### PENGENALAN

Tekanan intraokular adalah tekanan dalam bola mata yang diimbangkan oleh kadar penghasilan dan pengeluaran akues humor melalui sistem salirannya (Mukhtar et al. 2014). Akues humor yang dihasilkan oleh badan bersilium mengalir keluar antara iris dan kanta kristalin ke *anterior chamber* sebelum memasuki *trabecular network*,

*Schlemm canal* dan akhirnya ke vena okular pada kadar 2 hingga 3 mikromilimeter/minit (Sajja & Vemapti 2013). Menurut American Academy of Ophthalmology (2016), nilai julat tekanan intraokular normal adalah antara 10 hingga 21 mmHg dengan purata populasi adalah sebanyak 15.5 mmHg dan sisihan piawai 2.6 mmHg.

Variasi diurnal adalah julat perubahan tekanan intraokular dalam masa 24 jam. Tekanan

intraokular dikatakan tidak tetap dan berubah-ubah disebabkan pelbagai faktor dalaman dan persekitaran (Song et al. 2014). Peningkatan tekanan intraokular merupakan faktor risiko utama perkembangan glaukoma (Bengtsson 2007). Oleh itu, rawatan penurunan tekanan intraokular digunakan untuk memperlambatkan perkembangan glaukoma (Song et al. 2014). Sihota et al. (2005) dalam kajiannya mendapati bahawa variasi diurnal tekanan intraokular adalah lebih tinggi dalam kumpulan glaukoma kronik sudut tertutup primer dan glaukoma sudut terbuka primer berbanding dengan individu normal. Ada kajian menunjukkan tekanan intraokular tinggi pada waktu pagi dengan julat variasi sebanyak 1.82-5.45 mmHg (Chakraborty et al. 2011).

Panjang bola mata adalah jarak daripada bahagian hadapan kornea hingga ke epitelium pigmen retina (Leydolt 2008). Panjang bola mata normal orang dewasa adalah 24mm, tanpa mengira jantina, bangsa dan ukuran badan yang lain (Roy et al. 2015 dan Sutton 2003). Menurut Bekerman et al. (2014), saiz mata normal orang dewasa adalah lebih kurang 24.2mm (*transverse*) × 23.7mm (*sagittal*) × 22.0–24.8mm (*axial*) dan tiada perbezaan signifikan antara kumpulan jantina dan umur. Subjek dewasa yang terlibat di dalam kajian ini terdiri daripada 134 perempuan dan 116 lelaki berumur dalam lingkungan 18 hingga 93 tahun. Bhardwaj dan Rajeshbhai (2013) dalam kajiannya mendapati bahawa kumpulan miopia mempunyai bola mata yang lebih panjang berbanding kumpulan hiperopia. Proses pemanjangan bola mata berlaku sehingga 16-18 tahun untuk kedua-dua kumpulan. Namun, ralat refraktif sama ada rendah atau tinggi tidak diambil dikira dalam kajian tersebut. Variasi diurnal IOP pada miopia telah menunjukkan bacaan paling tinggi waktu petang berbanding pagi dan juga tinggi dalam keadaan baring berbanding duduk (Liu et al. 2002).

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji kesan variasi diurnal tekanan intraokular ke atas panjang bola mata pada subjek miopia dan membandingkan variasi diurnal tekanan intraokular pada waktu pagi dan petang, membandingkan variasi panjang bola mata pada waktu pagi dan waktu petang serta hubungan antara tekanan intraokular dan panjang bola mata pada subjek miopia.

## KAEDAH KAJIAN


Kajian ini berbentuk keratan rentas, menggunakan teknik persampelan bertujuan yang dijalankan di Klinik Optometri Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Kampus Kuala Lumpur. Pemilihan subjek adalah berdasarkan beberapa kriteria berikut iaitu mereka mempunyai miopia dengan kuasa sfera kurang atau sama dengan -3.00D, berumur antara 18 tahun sehingga 28 tahun. Selain itu, subjek tidak mempunyai masalah kesihatan okular dan sistemik serta tidak memakai kanta sentuh dalam masa 12 jam sebelum bacaan diambil. Manakala subjek yang menghidap penyakit glaukoma dan hipertensi okular, mempunyai sejarah keluarga terdekat yang mempunyai masalah glaukoma dan hipertensi okular serta menghidap penyakit okular dan penyakit sistemik lain akan dikecualikan daripada kajian ini. Saiz sampel bagi kajian ini ditentukan dengan menggunakan perisian komputer G\*power versi 3.1.9.2 keluaran *University of Dusseldorf* (Rajah 1). Keputusan kajian dianalisa menggunakan ujian T dan seramai 44 orang subjek diperlukan. Kelulusan etika daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan UKM telah diperolehi (UKM PPI/111/8/JEP-2017-234).

Setiap subjek ditanya mengenai sejarah pesakit bagi memastikan mereka menepati kriteria yang ditetapkan. Akuiti visual jauh monokular habitual diuji dengan menggunakan carta Snellen pada 6 meter. Hanya subjek yang mencapai akuiti visual 6/9 atau lebih baik akan lulus saringan subjek. Akuiti visual monokular dekat habitual turut diperiksa dengan menggunakan carta dekat pada jarak membaca subjek. Hanya subjek yang mencapai akuiti visual N6 atau lebih baik akan lulus saringan subjek. Seterusnya, pemeriksaan ralat refraksi dijalankan dengan menggunakan teknik retinoskopi dan refraksi subjektif bagi memastikan subjek adalah miopia rendah dengan kuasa sfera kurang atau sama dengan 3.00D. Nilai yang diperolehi akan ditukar kepada bentuk kuasa sfera setara (SEQ = DS + 1/2 DC). Pengukuran parameter kajian dilakukan pada dua sesi iaitu 9.00 pagi hingga 10.00 pagi dan 3.00 petang hingga 4.00 petang pada hari yang sama. Pemeriksaan tekanan intraokular akan dilakukan terlebih dahulu diikuti pemeriksaan panjang bola mata. Alat yang digunakan untuk mengukur tekanan intraokular adalah tonometer *air puff* Topcon CT80 dan telah dibuktikan kesahihan dan kebolehgunaan

berbanding dengan Goldmann *applanation tonometer* (Ogbuehi 2006). Pengukuran dilakukan pada mata kanan dan kiri serta dilakukan sebanyak 3 kali dan nilai purata akan diambil. Hanya mata kanan digunakan sebagai hasil pengukuran statistik.

Pengukuran panjang bola mata dilakukan menggunakan A-scan biometri Tomey AL-2000. Syarikat pengeluar alat ini merupakan Tomey Corporation dari Jepun. Unit pengukuran yang digunakan adalah milimeter (mm) dan sisihan

piawai bagi data yang diterima adalah 0.02mm. Sebelum pengukuran diambil, anestetik topikal (1% Alcaine) akan dititiskan ke dalam mata subjek untuk tujuan pengukuran panjang bola mata. Pengukuran dilakukan semasa subjek duduk tegak dan diarahkan untuk memandang lurus ke hadapan. Hujung prob akan diletakkan secara perlahan-lahan di kawasan tengah kornea. Prosedur ini dilakukan sebanyak 10 kali bagi setiap. Hasil kajian dianalisa menggunakan Ujian T berpasangan, *Wilcoxon Signed Rank* dan korelasi Spearman.



RAJAH 1: Kaedah saiz sampel dengan Ujian Statistik: *Means: Difference between two dependents means (matched pairs)*

Jenis analisis kuasa: *A Priori*

Parameter input

Kesan saiz,  $d$  = 0.50

Kesalahan  $\alpha$  = 0.05

Kuasa ( $1 - \text{kesalahan } \beta$ ) = 0.90

Parameter output

*Noncentrality parameter*  $\delta$  = 3.3166248

T-kritikal = 2.0166922

Df = 43

Jumlah saiz sampel = 44

Kuasa sebenar = 0.9000306

### KEPUTUSAN

Kesemua subjek kajian adalah tergolong dalam kumpulan miopia rendah dengan min ralat refraksi retinoskopi (kuasa sfera setara)  $-1.81 \pm 0.96$  D untuk mata kanan dan  $-1.81 \pm 1.03$  D untuk mata kiri. Manakala min ralat refraksi (kuasa sfera setara) menggunakan teknik refraksi subjektif untuk mata kanan adalah  $-1.84 \pm 1.03$  D dan  $-1.80 \pm 1.08$  D untuk mata kiri (Jadual 1).

Min tekanan intraokular pada waktu pagi adalah  $15.42 \pm 2.38$  mmHg untuk mata kanan dan  $14.55 \pm 2.04$  mmHg untuk mata kiri dengan bacaan paling minimum adalah 10.0 mmHg dan maksimum adalah 22.67 mmHg. Manakala min tekanan intraokular pada waktu petang adalah  $14.25 \pm 2.42$  mmHg untuk mata kanan dan  $13.53 \pm 2.32$  mmHg untuk mata kiri dengan bacaan paling minimum adalah 8.67mmHg dan maksimum adalah 20.0mmHg. Min panjang bola mata pada



waktu pagi adalah  $24.26 \pm 0.92$  mm untuk mata kanan dan  $24.24 \pm 0.89$  mm untuk mata kiri dengan bacaan paling minimum adalah 22.03 mm dan maksimum adalah 26.99 mm. Manakala, min panjang bola pada waktu petang adalah  $24.22 \pm 0.92$  mm untuk mata kiri dan  $24.21 \pm 0.89$  mm untuk mata kanan dengan bacaan paling minimum adalah 22.03 mm dan maksimum adalah 26.92 mm (Jadual 2).

Ujian T berpasangan mendapati variasi diurnal tekanan intraokular bolamata pada waktu pagi dan petang adalah signifikan,  $p < 0.05$  ( $p = 0.000$ ), begitu juga dengan panjang bola mata iaitu  $p < 0.05$ , ( $p = 0.018$ ). Justeru, ini menunjukkan

wujud variasi diurnal tekanan intraokular dan panjang bola mata pada waktu pagi dan petang (Jadual 3).

Hubungan antara tekanan intraokular dan panjang bola mata waktu pagi dan petang dianalisa dengan menggunakan ujian korelasi Spearman,  $r$  (Jadual 4). Hasil analisis mendapati tiada korelasi diantara tekanan intraokular dan panjang bola mata waktu pagi,  $p > 0.05$  ( $p = 0.260$ ) dan waktu petang,  $p > 0.05$  ( $p = 0.206$ ). Secara keseluruhannya, tiada perhubungan antara tekanan intraokular dan panjang bola mata waktu pagi dan petang pada subjek miopia.

JADUAL 1 Nilai min dan sisihan piawai ralat refraksi subjek myopia.

	Mata kanan	Mata kiri
Rx retinoskopi (D)	$-1.81 \pm 0.96$	$-1.81 \pm 1.03$
Rx refraksi subjektif (D)	$-1.84 \pm 1.03$	$-1.80 \pm 1.08$

JADUAL 2 Nilai min dan sisihan piawai tekanan intraokular dan panjang bolamata pada miopia rendah.

	Mata kanan	Mata kiri
Tekanan intraokular pagi (mmHg)	$15.42 \pm 2.38$	$14.55 \pm 2.04$
Tekanan intraokular petang (mmHg)	$14.25 \pm 2.42$	$13.53 \pm 2.32$
Panjang bola mata pagi (mm)	$24.26 \pm 0.92$	$24.24 \pm 0.89$
Panjang bola mata petang (mm)	$24.22 \pm 0.92$	$24.21 \pm 0.89$

JADUAL 3 Ujian T berpasangan tekanan intraokular dan panjang bolamata pagi dan petang pada miopia rendah.

	Min ± SP	Nilai p
Tekanan intraokular pagi (mmHg)	15.42 ± 2.38	0.000*
Tekanan intraokular petang (mmHg)	14.25 ± 2.42	
Panjang bola mata pagi (mm)	24.26 ± 0.92	0.018*
Panjang bola mata petang (mm)	24.22 ± 0.92	

\*Signifikan pada  $p < 0.05$ .

JADUAL 4 Korelasi antara tekanan intraokular dan panjang bolamata miopia rendah.

Ujian korelasi Spearman	Korelasi Spearman (r)	Nilai p
Tekanan intraokular pagi - Panjang bola mata pagi	-0.173	0.260
Tekanan intraokular petang - Panjang bola mata petang	-0.194	0.206

Signifikan pada  $p < 0.05$ .

### PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan purata tekanan intraokular pagi dan petang untuk kedua-dua mata bertabur secara normal namun tidak berada dalam julat normal, iaitu antara 10 hingga 21 mmHg seperti yang diklasifikasikan menurut American Academy of Ophthalmology (2016). Tekanan intraokular waktu pagi untuk mata kanan adalah antara 11 mmHg hingga 22.67 mmHg. Begitu juga dengan tekanan intraokular waktu petang bagi mata kiri antara 9.33mmHg hingga 20mmHg. Waktu petang, tekanan intraokular mata kanan adalah 8.67 mmHg hingga 20 mmHg. Manakala tekanan intraokular mata kiri ialah 10 hingga 21 mmHg.

Hasil analisis mendapati terdapat perbezaan signifikan antara tekanan intraokular waktu pagi dan waktu petang. Kajian oleh Diaz et al. (2007) mendapati berlaku variasi diurnal tekanan intraokular di mana tekanan intraokular waktu pagi adalah lebih tinggi berbanding waktu petang untuk lelaki dan juga perempuan. Kajian beliau melibatkan pengukuran parameter waktu pagi 8.00 hingga 9.00 dan petang 5.00 hingga 6.00 menggunakan teknik applinasi tonometer Perkins.

Manakala purata panjang bola mata waktu pagi dan petang bertabur secara tidak normal untuk mata kanan dan juga mata kiri, iaitu terpencong ke arah nilai panjang bola mata yang lebih tinggi. Hasil analisis menunjukkan terdapat perbezaan

signifikan antara panjang bola mata waktu pagi dan petang,  $p < 0.05$  ( $p = 0.018$ ). Justeru, berlaku variasi diurnal panjang bola mata pada miopia rendah. Hasil kajian ini disokong oleh kajian lepas oleh Stone et al. (2004) yang mendapati berlaku variasi diurnal panjang bola mata pada subjek mempunyai julat SEQ -2.875 hingga +1.00D. Maksimum panjang bola mata adalah pada tengahari menggunakan teknik *partial coherence interferometry* (PCI).

Secara keseluruhannya, tiada hubungan antara tekanan intraokular dan panjang bola mata waktu pagi dan petang pada subjek miopia rendah. Keputusan kajian ini disokong dengan kajian oleh Wilson et al. (2006) yang menunjukkan tiada hubungan antara tekanan intraokular dan panjang bola mata walaupun berlaku kenaikan dan penurunan untuk kedua-dua parameter tersebut. Kajian beliau mendapati mata yang mempunyai variasi diurnal panjang bola mata yang tinggi tidak mempunyai variasi diurnal tekanan intraokular yang tinggi. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini tidak disokong dengan kajian oleh Read et al. (2008) yang mendapati terdapat hubungan yang signifikan secara statistik, namun tidak terlalu kuat ( $r = 0.370$ ) antara variasi tekanan intraokular dan variasi panjang bola mata pada subjek dewasa muda menghampiri emmetropia. Hal ini berkemungkinan kerana perbezaan populasi yang dikaji serta jenis alatan yang digunakan untuk mengukur tekanan intraokular dan panjang bola mata adalah berbeza. Selain itu, parameter lain seperti ketebalan tengah cornea tidak diukur yang mana parameter ini turut boleh mempengaruhi bacaan tekanan intraokular. Disamping itu, kajian ini memerlukan kerjasama subjek untuk hadir ke klinik pada waktu pagi dan petang hari yang sama untuk mendapatkan bacaan tekanan intraokular dan juga panjang bola mata.

Oleh yang demikian, kajian lanjutan harus dijalankan ke atas miopia kumpulan rendah, sederhana dan tinggi supaya perbandingan dapat dibuat di antara kumpulan miopia berbeza. Selain itu, kajian variasi diurnal IOP antara posisi baring dan duduk boleh dijalankan untuk melihat samada terdapat perbezaan antara keduanya dan hubungan dengan panjang aksial mata, kamar anterior, dan ketebalan kornea.

## KESIMPULAN

Hasil kajian mendapati berlaku variasi diurnal tekanan intraokular pada waktu pagi dan petang. Selain itu, variasi diurnal panjang bola mata pagi dan petang turut dapat dilihat pada subjek miopia. Walau bagaimanapun, tiada hubungan di antara variasi diurnal tekanan intraokular dengan variasi diurnal panjang bola mata pada waktu pagi dan petang. Justeru, Tiada kesan variasi diurnal tekanan intraokular ke atas panjang bola mata pada subjek miopia. Variasi diurnal bola mata yang berlaku adalah disebabkan faktor lain dan tidak dipengaruhi oleh variasi diurnal tekanan intraokular.

## RUJUKAN

- American Optometric Association. 1997. Care of the Patient with Myopia, Optometric Clinical Practice Guideline. Association of Optometrists. <http://www.aoa.org/myopia.xml> (accessed Oktober. 2016).
- Bekerman, I., Gottlieb, P., Vaiman, M., Bekerman, I., Gottlieb, P., & Vaiman, M. 2014. Variations in Eyeball Diameters of the Healthy Adults. *Journal of Ophthalmology* 2014, 1–5.
- Bengtsson, B., Leske, M.C., Hyman, L., & Heijl, A. 2007. Fluctuation of Intraocular Pressure and Glaucoma Progression in the Early Manifest Glaucoma Trial. *Ophthalmology* 114(2), 205–209.
- Bhardwaj, V., & Rajeshbhai, G.P. 2013. Axial length, anterior chamber depth-a study in different age groups and refractive errors. *Journal of Clinical and Diagnostic Research* 7(10), 2211–2212.
- Chakraborty, R., Read, S. A & Collins, M. J. 2011. Diurnal variations in axial length, choroidal thickness, intraocular pressure and ocular biometrics. *Investigative Ophthalmology & Visual Science* July (52): 5121-5129.
- David Sutton, Text book of Radiology and Imaging, Ultra Sound of the Eye & Orbit, Churchill Livingstone, Edinburgh, 7th Edn- 2003; 2:1551.
- Diaz V.A.F. 2010. Definition of Myopia: *Health and Economic Implications*, 98–105.
- Leydolt, C., Findl, O. & Drexler, W. 2008. Effects of change in intraocular pressure on axial eye length and lens position. *Eye* 657–661.
- Liu, J. H. K., Kripke, D. F., Twa, M. D., Gokhale, P. A et al. 2002. Twenty four hour pattern of intraocular pressure in young adults with moderate to severe myopia. *Investigative*

- Ophthalmology & Visual Science* July (43): 2351-2355.
- Mukhtar, S. A., Jamil, A. Z., & Ali, Z. 2014. Estimation of Range of Intraocular Pressure in Normal Individuals by Air Puff Tonometer, 30(3), 129–132.
- Ogbuehi, K.C. 2006. Assessment of the accuracy and reliability of the Topcon CT80 non-contact tonometer. *Clinical and Experimental Optometry* 89(5), 310–314.
- Read, S.A., Collins, M.J., & Iskander, D.R. 2008. Diurnal variation of axial length, intraocular pressure, and anterior eye biometrics. *Investigative Ophthalmology and Visual Science* 49(7), 2911–2918.
- Roy, A. 2015. Variation of Axial Ocular Dimensions with Age, Sex, Height, BMI -and Their Relation to Refractive Status. *Journal of Clinical and Diagnostic Research* 9(1), 1–4.
- Sajja, S., & Vemapti, P. 2013. Diurnal Variation of Intra Ocular Pressure (IOP) in Healthy Individuals : A Pilot Study. *Scholars Journal of Applied Medical Sciences* 1(5), 488–492.
- Sihota, R., Saxena, R., Gogoi, M., Sood, A., Gulati, V. & Pandey, R. M., 2005. A comparison of the circadian rhythm of intraocular pressure in primary chronic angle closure glaucoma, primary open angle glaucoma and normal eyes. *Indian Journal of Ophthalmol* 53:243-7.
- Song, Y.K., Lee, C.K., Kim, J., Hong, S., Kim, C.Y., & Seong, G.J. 2014. Instability of 24-hour intraocular pressure fluctuation in healthy young subjects: a prospective, cross-sectional study. *BMC Ophthalmology* 14, 127.
- Wilson, L.B., Quinn, G.E., Ying, G., Francis, E.L., Schmid, G., Lam, A., Orlow, J. & Stone, R.A. 2006. The relation of axial length and intraocular pressure fluctuations in human eyes. *Investigative Ophthalmology & Visual Science* 47(5), 1778–1784.
- Wong, T.Y., Klein, B.E.K., Klein, R., Knudtson, M. & Lee, K.E. 2003. Refractive errors, intraocular pressure, and glaucoma in a white population. *Ophthalmology* 110(1):211–7
- Norlaila Mat Daud\*  
 Nurhazimah Khir Johari  
 Program Optometri & Sains Penglihatan,  
 Pusat Rehabilitasi & Keperluan Khas  
 Fakulti Sains Kesihatan,  
 UKM Kampus KL
- \*Corresponding author: laila@ukm.edu.my

## **Kerintangan Sista *Acanthamoeba* Isolat Persekitaran terhadap Bendalir Mukus Ikan Keli *Clarias batrachus***

(The Resistance of *Acanthamoeba* Environmental Isolates Cysts towards *Clarias batrachus* Catfish Mucus)

AHMAD ZORIN SAHALAN\*, ASFARRIEZA ARSAD, ANISAH NORDIN, YUSOF SUBOH, NORAINA AB RAHIM, NORAZAH AHMAD & MOHAMED KAMEL ABD GHANI

### **ABSTRAK**

Bahan semulajadi khasnya daripada protein haiwan telah diuji keberkesannya dan mampu mengawal serta membasmi jangkitan patogen. Mukus epidermis ikan keli atau *Clarias batrachus* merupakan sumber protein yang dikenalpasti mempunyai peptida antimikrob. Insiden keratitis *Acanthamoeba* yang berkaitan penggunaan kanta sentuh semakin meningkat akibat penjagaan alatan kanta sentuh yang kurang higienik. Kerintangan *Acanthamoeba* terhadap kemoterapi antimikrob semakin berleluasa dan memerlukan sesuatu bahan pengawalan yang berkesan khasnya terhadap peringkat sistanya. Kajian ini dilakukan untuk menentukan keberkesanan mukus epidermis *Clarias batrachus* sebagai agen anti-*Acanthamoeba* ke atas 4 isolat persekitaran sista *Acanthamoeba*, (PBA 42, PBA 46, TKA 14 dan TTA 1). Mukus *C. batrachus* berkepekatan 20% dan 100% ditindakkan terhadap sista *Acanthamoeba*. Setiap campuran dipindahkan ke agar bukan nutrien yang dilapisi *Escherichia coli*. Plat agar diinkubasi pada 30°C dan diperhatikan setiap hari sehingga hari ke-14 untuk mengesan kehadiran trofozoit *Acanthamoeba* di bawah mikroskop. Kehadiran trofozoit menunjukkan mukus *C. batrachus* tidak berkesan. Hasil kajian menunjukkan mukus *C. batrachus* yang diuji ke atas kesemua isolat persekitaran adalah tidak berkesan. Secara kesimpulannya, mukus epidermis *C. batrachus* tidak berkesan untuk membunuh sista *Acanthamoeba*.

Kata kunci: Mukus epidermis *Clarias batrachus*; *Acanthamoeba* isolat persekitaran

### **ABSTRACT**

Many forms of natural substances, including animal proteins have been tested for their effectiveness in controlling and eradicating infections. The epidermal mucus of *Clarias batrachus* has been identified to have antimicrobial peptides. The occurrence of incidence of *Acanthamoeba* keratitis related to contact lens usage is increasing probably due to the lack of hygiene in handling contact lenses. There is also widespread claim that *Acanthamoeba* is resistant towards many antimicrobial agents and an urgent remedy is needed to control *Acanthamoeba*, mainly its cysts form. This study was conducted to determine the effectiveness of *Clarias batrachus* epidermal mucus as anti-*Acanthamoeba* agent on 4 *Acanthamoeba* cyst environmental isolates, (PBA 42, PBA 46, TKA 14 and TTA 1). *C. batrachus* mucus with the concentrations of 20% and 100% was tested against the *Acanthamoeba* cysts isolates. Each mixture was transferred onto non-nutrient agar laid with *Escherichia coli*. The agar plates were incubated at 30°C and monitored daily until day 14 to detect the presence of *Acanthamoeba* trophozoites under the microscope. The presence of trophozoites indicated the ineffectiveness of *C. batrachus* mucus. The result showed *C. batrachus* mucus tested on all isolates was ineffective. It can be concluded that epidermal mucus extract of *C. batrachus* was not effective to kill *Acanthamoeba* cysts.

Key words: *Clarias batrachus* epidermal mucus; *Acanthamoeba* environmental isolates

## PENGENALAN

*Acanthamoeba* spp. merupakan protozoa yang boleh menyebabkan jangkitan pada mata (keratitis *Acanthamoeba*), sistem saraf pusat (ensefalitis ambik bergranuloma) dan jangkitan pada kulit (dermatitis *Acanthamoeba*). Jangkitan *Acanthamoeba* pada kornea boleh menyebabkan kebutaan dan jangkitan ini dikenali sebagai keratitis (Schuster et al., 2004, Walker., 1996).

*Acanthamoeba*. wujud samada dalam bentuk trofozoit aktif atau sista dorman. Lapuran penyelidikan menunjukkan sebanyak 84% kes keratitis *Acanthamoeba* berkait rapat dengan pemakaian kanta sentuh (Stapleton et al. 2009). Individu yang berisiko tinggi mendapat jangkitan *Acanthamoeba* adalah pengguna kanta sentuh lembut yang tidak mengamalkan kebersihan ketika memakai dan menyimpan kanta sentuh (Anger & Lally 2008). Kini, jangkitan keratitis *Acanthamoeba* walaupun jarang berlaku, namun ia merupakan jangkitan yang dikira serius kerana ianya sangat sukar dikawal kerana *Acanthamoeba* semakin rintang terhadap terapi antimikrob (Moore et al. 1987). Keupayaan kerintangan *Acanthamoeba* telah mencetuskan pelbagai usaha untuk mengawal jangkitan ini khasnya dengan menggunakan bahan semulajadi. Beberapa bahan bioaktif yang dipencil dari tumbuhan dan haiwan telah diuji akan keberkesanannya. Mukus ikan keli kayu atau nama saintifiknya *Clarias batrachus* di dapati mampu memerancat pertumbuhan beberapa jenis bakteria (Debnath, 2011). Sebagai barisan pertahanan yang pertama, mukus epidermis ikan adalah salah satu komponen sistem imun semulajadi yang melindungi ikan daripada risiko jangkitan patogen akibat pendedahan yang berterusan terhadap mikroorganisma (Whyte., 2007). Ia dirembes keluar ke permukaan kulit ikan sebagai pelindung terhadap patogen akuatik disamping menjadi pelincir untuk pergerakan ikan. Kajian mendapati bahawa mukus epidermis ikan mempunyai komponen sistem imun seperti IgM dan lisozim serta bahan peptida yang dapat menghalang kolonisasi parasit akuatik, bakteria dan fungus (Ebran et al., 2000). Peptida yang dirembes oleh sesetengah ikan dan haiwan akuatik merupakan agen yang berupaya merencat atau memusnahkan mikroorganisma (Zasloff 2002), fungus, virus dan juga parasit tanpa sebarang kesan toksik terhadap sel perumah (Hancock et al., 2000).

Oleh itu di dalam kajian ini mukus *C. batrachus* diuji akan keberkesanannya untuk merencat pertumbuhan sista *Acanthamoeba*.

## BAHAN DAN KAEDAH

### Pemencilan mukus *Clarias batrachus* (Nagashima et al, 2001)

Ikan keli kayu yang masih hidup dibersihkan terlebih dahulu dengan air suling steril. Permukaan badan ikan dibilas dengan air suling dan mukus dikumpulkan dengan menggunakan spatula yang steril pada suhu 4°C.

Mukus yang dikumpulkan kemudiannya ditapis dengan penapis membran 0.45 µm. Mukus *Clarias batrachus* diuji pada dua tahap kepekatan iaitu 100% dan juga 20%. Untuk kepekatan 100%, mukus tidak dicairkan dengan sebarang larutan pelarut, manakala untuk pencairan 20% pula, mukus dilarutkan dengan air steril dengan nisbah mukus kepada air 1:4 (ml/ml atau isipadu kepada isipadu).

### Isolat *Acanthamoeba* spp.

Sebanyak empat isolat persekitaran (PBA 42, PBA 46, TKA 14 dan TTA 1) *Acanthamoeba* spp. diperolehi daripada Makmal *Acanthamoeba*, Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia digunakan dalam kajian ini.

### Persiapan sista *Acanthamoeba* dan ujian anti-sista (Kamel et al 2005) oleh mukus *Clarias batrachus*

Suspensi sista *Acanthamoeba* divorteks selama satu minit untuk dihomogenkan bersama larutan salin PAGE. Sebanyak 10 µl suspensi sista dipipet masuk ke dalam telaga mikrotiter yang telah mengandungi 100 µl ekstrak mukus. Sista dimasukkan ke dalam semua telaga kecuali telaga untuk kawasan negatif. Terdapat dua kawalan positif dan dua kawalan negatif.

Kawalan positif terbahagi kepada kawalan positif pertama dan kawalan positif kedua. Kawalan positif pertama ialah *Page Amebic Saline* (PAS) dan kawalan positif kedua merupakan larutan hydrogen peroksida (3% H<sub>2</sub>O<sub>2</sub>). Manakala untuk kawalan negatif pula, kawalan negatif yang pertama ialah larutan PAS sahaja manakala larutan kawalan negatif kedua terdiri daripada agen anti-*Acanthamoeba*. Campuran dibiarkan selama 24 jam. Selepas dieram selama 24 jam di dalam

inkubator bersuhu 30°C, campuran di setiap telaga dipipet masuk ke dalam vial 1.5 ml yang berlainan. Campuran kemudian diempar pada kelajuan 740 xg selama 5 minit untuk mendapatkan mendapan sista. Supernatan di bahagian atas vial akan dibuang dan mendapan di bawah vial akan dipindahkan terus ke atas agar bukan nutrien yang telah dititiskan dengan suspensi *E. coli* matian haba pada hari sebelumnya. Setelah itu, semua piring petri ditutup dan dieramkan pada suhu 30°C selama 48 jam. Piring petri tersebut diperhatikan setiap hari selama

14 hari di bawah mikroskop songsang untuk mengesan kehadiran trofozoit *Acanthamoeba*.

## HASIL

### Ujian aktiviti mukus epidermis *Clarias batrachus* terhadap sista *Acanthamoeba*

Keputusan ujian kawalan positif dan negatif untuk menguji keberkesanan aktiviti mukus *Clarias batrachus* terhadap sista *Acanthamoeba* ditunjukkan dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Keputusan kawalan ujian penentuan aktiviti anti-*Acanthamoeba* mukus epidermis *C. batrachus*

Isolat	Kawalan			
	Positif		Negatif	
	Suspensi sista	% H <sub>2</sub> O <sub>2</sub>	Larutan PAS	Mukus <i>C. batrachus</i>
PBA 42	+	-	X	X
PBA 46	+	-	X	X
TKA 14	+	-	X	X
TTA 1	+	-	X	X

Petunjuk:

- + Kehadiran sista dan trofozoit *Acanthamoeba*
- Tiada trofozoit *Acanthamoeba*
- X Tiada kehadiran sista dan trofozoit *Acanthamoeba*
- H<sub>2</sub>O<sub>2</sub> Hidrogen Peroksida
- PAS *Page Amebic Saline*

Di dalam ujikaji ini, tujuan kawalan positif pertama iaitu *Page Amebic Saline* (PAS) dan kawalan positif kedua yang terdiri daripada hidrogen peroksida 3% (H<sub>2</sub>O<sub>2</sub>) adalah untuk menunjukkan isolat tersebut hidup dan boleh digunakan di dalam kajian. Tujuan kawalan negatif dilakukan adalah untuk memastikan tiada kontaminasi berlaku terhadap larutan PAS dan agen anti-parasit. Kedua-dua kawalan positif dan

negatif telah berfungsi dengan baik dan memberikan hasil yang seperti dijangkakan.

Mukus epidermis *C. batrachus* yang diguna juga diuji untuk dua tahap kepekatan iaitu 20% dan 100%. Jadual 2 menunjukkan kehadiran trofozoit *Acanthamoeba* yang berjaya bereksistensi daripada sista walaupun sista tersebut telah ditindakkan dengan mukus epidermis *C. batrachus* pada kepekatan 20% dan 100%.

JADUAL 2. Keputusan ujian keberkesanan aktiviti anti-*Acanthamoeba* mukus epidermis *C. batrachus* terhadap sista *Acanthamoeba* isolat persekitaran.

Isolat Persekitaran	Kepekatan mukus 20%	Kepekatan mukus 100%
PBA 42	+	+
PBA 46	+	+
TKA 14	+	+
TTA 1	+	+

\*Petunjuk : + trofozoit hadir

## PERBINCANGAN

Potensi mukus epidermis *Clarias batrachus* sebagai anti-*Acanthamoeba* dikaji di dalam kajian ini. *C. batrachus* atau nama tempatan, ikan keli kayu, dipilih sebagai sumber kajian kerana ia mudah didapati di pasar dan pasaraya dalam keadaan masih hidup, dan dijual dengan harga yang agak murah.

Ujian kawalan positif telah dilakukan dengan menggunakan hidrogen peroksida sebagai agen anti-*Acanthamoeba*. Hidrogen peroksida sangat efektif sebagai disinfektan kanta sentuh kerana ia dapat membunuh bakteria, kulat dan *Acanthamoeba spp.* (Johnston et al. 2009). Kawalan positif dilakukan untuk memastikan bahawa *Acanthamoeba* yang digunakan bukanlah dari strain yang rintang.

Hasil ujian keberkesanan mukus epidermis *Clarias batrachus* terhadap sista *Acanthamoeba* isolat persekitaran (Jadual 2.), mendapati bahawa mukus epidermis *C. batrachus* daripada kepekatan yang dicairkan iaitu 20% dan kepekatan asal, 100% tidak mampu untuk menghalang penghasilan trofozoit *Acanthamoeba* daripada sistanya.

Walaupun hasil kajian kurang memberangsangkan terhadap kesan ekstrak mukus *C. batrachus*, namun masih banyak lagi ujian terperinci yang perlu dilakukan kerana menurut Su (2011), mukus epidermis ikan telah dibuktikan mempunyai aktiviti antibakteria, berpotensi sebagai sumber peptida antimikrob (Vizioli et al., 2002).

Beberapa cadangan kajian lanjutan dihasilkan bagi memperbaiki uji kaji yang sedia ada serta menambahbaik julat kajian. Mukus yang dihasilkan perlulah dalam jumlah yang banyak dan

mungkin dipekatkan., Walaubagaimanapun sista memang diketahui merupakan peringkat pertahanan *Acanthamoeba* yang kuat dan tahan pada persekitaran ekstrim. Daya ketahanan seperti inilah yang boleh membantu sistanya bertahan daripada sebarang bahan anti-mikrob.

## KESIMPULAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa sista *Acanthamoeba* untuk kesemua isolat persekitaran iaitu PBA 42, PBA 46, TKA 14 dan TTA 1 rintang terhadap mukus epidermis *Clarias batrachus* pada kepekatan 20% dan 100% .

## RUJUKAN

- Anger, C. & Lally, J.M. 2008. *Acanthamoeba*: A review of its potential to cause keratitis, current lens care solution disinfection standards and methodologies, and strategies to reduce patient risk. *Eye & Contact Lens*. 34(5): 247-253.
- Debnath, S. 2011. *Clarias batrachus*, the medicinal fish: An excellent candidate for aquaculture & employment generation. *International Conference on Asia Agriculture and Animal IPCBE*. 13: 32-37.
- Ebran, N., Julien, S., Orange, N., Auperin, B. & Molle, G. 2000. Isolation and characterization of novel glycoproteins from fish epidermal mucus: Correlation between their pore-forming properties and their antibacterial activities. *Biochimica et Biophysica Acta-Biomembranes*. 1467(2): 271-280.
- Hancock, R.E.W. & Scott, M.G. 2000. The role of antimicrobial peptides in animal defenses. *Proceedings of the National Academy of Sciences USA*. 97: 8856-8861.



- Johnston, S.P., Sriram, Rama., Qvarnstrom, Y., Roy, S., Verani, J., Yoder1, J., Lorick, S., Roberts, J., Beach, M.J. & Visvesvara, G. 2009. Resistance of *Acanthamoeba* Cysts to Disinfection in Multiple Contact Lens Solutions. *Journal of Clinical Microbiology*. 47(7): 2040-2045.
- Kamel, A.G.M, Haniza, H., Anisah, N., Yusof, S., Faridah, H., Norhayati, M. & Norazah, A. 2005. More *Acanthamoeba* keratitis cases in Malaysia. *International Medical Journal*. 12(1): 7-9.
- Moore, M.B., McCulley, J.P., Netwon, C., Cobo, L.M., Foulks, G.N., O'day, D.M., Johns, K.J., Driebe, W.T., Epstein, R.J. & Doughmas, D.J. 1987. *Acanthamoeba* keratitis: A growing problem in soft and hard contact lens wearer. *Ophthalmol*. 94: 1654-1661.
- Nagashima, Y., Sendo, A., Shimakura, K., Kobayashi, T. & Kimura Fujii, T. 2001. Antibacterial factors in skin mucus of rabbitfishes. *Journal of Fish Biology*. 58: 1761-1765.
- Stapleton, F., Ozkan, J., Jalbert, I., Holden, B.A., Petsoglou, C. & McClellan, K. 2009. Contact lens-related *Acanthamoeba* keratitis. *Optometry and Vision Science*. 86(10): 1196-201.
- Su, Y. 2011. Isolation and identification of pelteobagrin, a novel antimicrobial peptide from the skin mucus of yellow catfish (*Pelteobagrus fulvidraco*). *Comparative Biochemistry and Physiology – B Biochemistry and Molecular Biology*. 158 (2): 149-154.
- Schuster, F.L. & Visvesvara, G.S. 2004. Free-living amoebae as opportunistic and non-opportunistic pathogens of humans and animal. 34: 1001-1027.
- Vizioli, J. & Salzet, M. 2002. Antimicrobial peptides from animals: focus on invertebrates. *Trends Pharmacology Sciences*. 23(11): 494-496.
- Walker, C.W.B. 1996. *Acanthamoeba*: ecology, pathogenicity and laboratory detection. *British Journal of Biomedical Sciences*. 53: 146-151.
- Whyte, S.K. 2007. The innate immune response of finfish – A review of current knowledge. *Fish and Shellfish Immunology*. 23(6): 1127-1151.
- Zassloff, M. 2002. Antimicrobial peptides of multicellular organisms. *Nature*. 415: 389-395.

Ahmad Zorin Sahalan\*,  
Asfarrieza Arsad,  
Mohamed Kamel Abd Ghani  
Fakulti Sains Kesihatan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
50300 Jalan Raja Muda Abdul Aziz,  
Kuala Lumpur

Anisah Nordin  
Yusof Suboh  
Noraina Abd Rahim  
Jabatan Parasitologi,  
Fakulti Perubatan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Norazah Ahmad  
Institut Penyelidikan Perubatan,  
Jalan Pahang, Kuala Lumpur

\*Corresponding author: ahmadzorinsahalan@ukm.edu.my

## **Pemencilan *Acanthamoeba* spp. daripada Persekitaran Tanah** (Isolation of *Acanthamoeba* spp. from Soil Environment)

MOHAMED KAMEL ABD GHANI\*, MIMI FAZAH, ANISAH NORDIN, YUSOF SUBOH,  
NORAINA ABD RAHIM & NORAZAH AHMAD

### **ABSTRAK**

*Acanthamoeba* spp. adalah ameba hidup bebas di pelbagai persekitaran termasuk akuatik dan tanah. Ia boleh menyebabkan jangkitan mata dipanggil keratitis yang boleh membawa kebutaan, dan jangkitan sistem saraf pusat yang boleh membawa maut. Kajian ini dijalankan untuk memencilkan *Acanthamoeba* spp. daripada persekitaran tanah bagi melihat taburan kehadirannya. Sebanyak 117 sampel telah diambil daripada persekitaran tanah. Kesemua sampel dikultur di atas plat agar bukan nutrien yang telah diinokulasikan dengan suspensi *Escherichia coli* matian haba, diinkubasi pada suhu 30°C dan pemerhatian dibuat setiap hari selama 14 hari di bawah mikroskop kebalikan. Pengesanan trofozoit *Acanthamoeba* spp. dibuat berdasarkan saiz dan kehadiran akantopodia, ciri-ciri nukleus dan vakuol kontraktil serta pergerakannya manakala sista berdasarkan saiz serta morfologi endosista dan ektosista. Daripada keseluruhan sampel, 54.7 peratus sampel persekitaran tanah memberikan kultur positif untuk ameba tersebut. Pemencilan *Acanthamoeba* didapati lebih tinggi pada jenis tanah yang digunakan untuk tujuan pertanian seperti tanah liat (94.3%) dan tanah gambut (84%) berbanding tanah pasir dan tanah laterit. Majoriti *Acanthamoeba* yang dipencilkan adalah dari kumpulan Polyphagids (54.7%) diikuti oleh Culbertsonids (25%) dan Astronyxids (17.2%). Penemuan ini membuktikan yang *Acanthamoeba* spp. sememangnya wujud di persekitaran tanah di Malaysia dan lebih membimbangkan kerana ianya lebih mudah dipencilkan daripada jenis tanah yang diguna untuk bertani sekali gus meningkatkan risiko jangkitan.

Kata kunci : *Acanthamoeba*; pemencilan; persekitaran tanah; Malaysia

### **ABSTRACT**

*Acanthamoeba* spp. are free-living amoebae found in various environment including aquatic and soil. It can cause severe eye infection called keratitis which can lead to blindness and infection of the central nervous system causing death. This study was carried out to isolate *Acanthamoeba* spp. from soil environment to observe their distributions. 117 samples were collected from soil environment. All samples were cultured onto non-nutrient agar (NN-A) inoculated with suspension of heat-killed *Escherichia coli*, incubated at 30°C and examined daily using an inverted microscope for 14 days. Trophozoite identification was based on size and the presence of acanthopodia, nucleus characteristics and contractile vacuole, and also its movement, while cyst identification was based on size and morphology of endocyst and ectocyst. Overall, 54.7 percent of soil samples were positive for the amoebae. The isolation of *Acanthamoeba* is found to be much higher in soil used for agriculture such as clay (94.3%) and peat soil (84%) as compared to sandy and laterite soil. Majority of the *Acanthamoeba* were from the Polyphagids group (57.8%) followed by Culbertsonids (25%) and Astronyxids (17.2%). These findings proved that *Acanthamoeba* does exist in soil environment in Malaysia dan whats more worrying is the fact that its more easily isolated from soil used for agricultural purposes, thereby increasing the risk for infection.

Keywords : *Acanthamoeba*; isolation; soil environment; Malaysia

## PENGENALAN

*Acanthamoeba* spp. adalah ameba hidup bebas yang tersebar luas dalam persekitaran manusia seperti persekitaran akuatik, tanah dan udara. Ameba ini telah berjaya dipencilkan secara langsung daripada sampel persekitaran seperti tanah di taman permainan awam, habuk dan debu di kawasan apartmen dan bilik-bilik di hospital, sampel swab nasal dan juga kotoran najis (Mergeryan 1991). Taburan *Acanthamoeba* yang sangat luas dalam persekitaran manusia dan kemampuannya untuk menyerang sistem saraf pusat, kulit dan mata telah menyebabkan *Acanthamoeba* menjadi salah satu ameba yang penting dalam bidang kesihatan dan perubatan. Pada individu imunokompromi, kehadirannya dalam sistem saraf pusat menyebabkan "Granulomatous Amoebic Encephalitis" (GAE), manakala pada kulit menyebabkan kutaneus *Acanthamoeba*. Jangkitan *Acanthamoeba* pada mata pula menyebabkan keratitis *Acanthamoeba* iaitu jangkitan teruk pada kornea mata dan jika tidak dirawat segera boleh menyebabkan kebutaan. Jangkitan ini telah dinyatakan sebagai wabak yang baharu dan mendapat perhatian serius dari semua pihak yang terlibat (Schaumberg et al. 1998). Umum berpendapat bahawa pesakit keratitis *Acanthamoeba* mendapat jangkitan tersebut melalui pelbagai sumber eksogenous termasuklah persekitaran tanah. Di Malaysia kes pertama keratitis *Acanthamoeba* yang melibatkan pemakai kanta sentuh telah dilaporkan pada tahun 1995 (Mohamed Kamel & Norazah 1995). Setelah itu, lebih banyak kes keratitis *Acanthamoeba* telah dikesan dan dilaporkan di Malaysia (Kamel et al. 2005; Mohamed Kamel et al. 2000, 2003).

Faktor risiko lain yang boleh menyebabkan jangkitan keratitis *Acanthamoeba* adalah termasuk trauma pada kornea. Keadaan ini terjadi apabila berlaku kemasukan bahan vegetatif, batu, habuk dan debu serta percikan air yang telah terkontaminasi ke dalam mata (Sharma et al. 2000). Selain itu, kes akibat terkena simbahan lumpur atau tanah semasa bekerja di sawah atau ladang juga pernah dilaporkan (Seal 1995). Kes keratitis *Acanthamoeba* yang tidak berkaitan dengan pemakaian kanta sentuh juga pernah dilaporkan di Malaysia, melibatkan seseorang yang mendapat trauma pada mata semasa bekerja (Kamel et al. 2004). Namun, bilangan kes keratitis yang semakin

meningkat di seluruh dunia dan juga di Malaysia (Kamel et al. 2005; Mohamed Kamel et al. 1996, 2003) memerlukan penyelidikan menyiasat lebih lanjut persekitaran tanah yang berkemungkinan menjadi sumber penyebaran organisma ini. Tambahan pula, laporan mengenai kehadiran ameba hidup bebas ini di persekitaran tanah di Malaysia masih kurang dan oleh itu bagi memahami dengan lebih jelas, hubungan antara infeksi *Acanthamoeba* sp. terhadap manusia dengan sumber penyebab infeksi, kajian ini dijalankan untuk menentukan kehadiran *Acanthamoeba* sp. di dalam persekitaran tanah.

## BAHAN DAN KAEDAH

Sebanyak 117 sampel diambil dari persekitaran tanah yang melibatkan empat jenis tanah yang berbeza iaitu tanah pasir, tanah gambut, tanah laterit dan tanah liat.

Bagi kesemua sampel, tanah diambil dengan menggunakan spatula yang steril. Anggaran 10 g sampel tanah dimasukkan ke dalam botol universal yang telah diisikan dengan 10 ml larutan PAS (Page Amoebic Saline) steril. Kesemua sampel diambil pada bahagian permukaan tanah kerana bahagian ini mempunyai kandungan bahan organik yang tinggi dan menjadi kawasan pemendapan bakteria yang berperanan sebagai sumber makanan ameba ini (Stout & Heal 1967; Subba-Rao 1977; Clarholm 1981). Botol universal yang mengandungi sampel tanah divortekskan selama lapan minit. Setelah itu, ia dibiarkan seketika bagi membolehkan pemendapan semula tanah di dalam botol tersebut. Seterusnya dengan menggunakan swab kapas steril, permukaan atas mendapan tanah itu diswabkan di atas plat agar bukan nutrien dan diinkubasikan pada suhu 30°C. Seterusnya pemerhatian di bawah mikroskop kebalikan dilakukan selama 14 hari untuk mencerap kehadiran trofozoit ataupun sista.

Selain itu, kriteria yang telah ditetapkan oleh Page (1967a) dijadikan sebagai garis panduan dalam mengenalpasti jenis kumpulan kesemua isolat tersebut, di mana pengecaman sista berdasarkan saiz serta morfologi endosista dan ektosista.

## HASIL

*Acanthamoeba* spp. telah berjaya dipencilkan daripada persekitaran tanah di Malaysia. Prevalens

*Acanthamoeba* spp. daripada sampel persekitaran tanah menunjukkan peratusan yang tinggi iaitu meliputi 54.7% (64/117) daripada keseluruhan sampel tanah yang telah diambil (Jadual 1).

JADUAL 1. Peratus taburan pemencilan positif *Acanthamoeba* spp. daripada persekitaran tanah

	Jumlah Sampel	Jumlah Pemencilan Positif <i>Acanthamoeba</i> spp.	Pemencilan Positif <i>Acanthamoeba</i> spp. (%)
Persekitaran Tanah	117	64	54.7

Persekitaran tanah melibatkan empat jenis tanah yang berbeza, dan Jadual 2. menunjukkan jumlah sampel yang diambil, jumlah dan peratusan pemencilan positif *Acanthamoeba* spp. bagi setiap jenis tanah. *Acanthamoeba* spp. paling banyak dipencilkan daripada tanah liat iaitu sebanyak 33 sampel (94.3%) dan tanah laterit mencatatkan jumlah pemencilan *Acanthamoeba* spp. yang paling rendah iaitu sebanyak tiga sampel (15.0%).

JADUAL 2. Peratus taburan pemencilan positif *Acanthamoeba* spp. mengikut jenis tanah

Jenis Persekitaran Tanah	Jumlah Sampel	Jumlah Pemencilan Positif <i>Acanthamoeba</i> spp.	Pemencilan Positif <i>Acanthamoeba</i> spp. (%)
Tanah Pasir	37	7	18.9
Tanah Gambut	25	21	84.0
Tanah Laterit	20	3	15.0
Tanah Liat	35	33	94.3
Jumlah	117	64	54.7

Dari Jadual 3. dapat diperhatikan bahawa jenis kumpulan Polyphagids mencatatkan pemencilan paling tinggi (57.8%) diikuti Culbertsonids (25%) dan Astronyxids (17.2%).

JADUAL3. Taburan pemencilan positif *Acanthamoeba* spp. berdasarkan jenis kumpulan *Acanthamoeba*

Jenis Persekitaran	Jenis Kumpulan <i>Acanthamoeba</i>			Jumlah Pemencilan Positif <i>Acanthamoeba</i> spp.
	Astronyxids (I)	Polyphagids (II)	Culbertsonids (III)	
Persekitaran Tanah	11 (17.2 %)	37 (57.8 %)	16 (25.0 %)	64

JADUAL 4. Taburan pemencilan positif *Acanthamoeba* spp. berdasarkan jenis kumpulan *Acanthamoeba* bagi setiap jenis tanah

Jenis Persekitaran Tanah	Jenis Kumpulan <i>Acanthamoeba</i>			Jumlah Pemencilan Positif <i>Acanthamoeba</i> spp.
	Astronyxids (I)	Polyphagids (II)	Culbertsonids (III)	
Tanah pasir	0 (0.0%)	5 (71.4%)	2 (28.6%)	7
Tanah gambut	9 (42.9%)	2 (9.5%)	10 (47.6%)	21
Tanah laterit	1 (33.3%)	1 (33.3%)	1 (33.3%)	3
Tanah liat	1 (3.0%)	29 (87.9%)	3 (9.1%)	33
Jumlah	11	37	16	64

Tanah liat mencatat pemencilan tertinggi bagi *Acanthamoeba* dari jenis kumpulan Polyphagids (Jadual 4.)

## PERBINCANGAN

Pemencilan *Acanthamoeba* spp. yang tinggi dalam sampel tanah yang dikaji tidak mengejutkan dan sememangnya telah dijangkakan. Ini kerana Subba-Rao (1977) dan Clarholm (1981) telah melaporkan bahawa ameba merupakan konsumer major bakteria di dalam tanah. Selain itu, kebanyakan kajian terdahulu yang berkaitan ameba tanah telah memberi fokus utama terhadap interaksi antara organisma tersebut dengan bakteria (Nakisah & Zaiton 1986). Para penyelidik lain mendapati bahawa kehadiran bakteria yang tinggi dalam lapisan atas tanah (*top layers*) disebabkan oleh akumulasi bahan organik daripada akar pokok (Stout & Heal 1967). Menurut Gregorich et al. (2002), *top soil* merupakan lapisan permukaan tanah yang senantiasa mengalami perubahan akibat pelbagai aktiviti contohnya kegiatan penanaman dan biasanya kaya dengan bahan organik. Bahan organik tersebut menyediakan habitat yang sesuai bagi bakteria tanah (Stout & Heal 1967) yang menjadi sumber makanan bagi ameba termasuk *Acanthamoeba* spp.

Keputusan kajian ini juga menyokong kajian terdahulu yang dijalankan oleh Nakisah dan Zaiton (1986), yang mana telah berjaya memencilkan *Acanthamoeba* spp. daripada tiga jenis siri tanah yang berbeza. Keputusan kajian oleh Nakisah dan Zaiton juga menunjukkan terdapat perbezaan signifikan ( $p=0.01$ ) di dalam

jumlah *Acanthamoeba* spp. yang dipencilkan daripada tiga jenis tanah tersebut. Setiap jenis tanah yang digunakan dalam kajian tersebut mempunyai tekstur dan warna yang berbeza serta kandungan lembapan yang berlainan. Oleh itu, perbezaan dalam jumlah pemencilan *Acanthamoeba* spp. bagi kesemua jenis tanah yang digunakan dalam kajian ini dapat difahami.

Berdasarkan hasil kajian ini, prevalens *Acanthamoeba* spp. daripada sampel tanah liat dan tanah gambut menunjukkan peratusan yang tinggi iaitu masing-masing sebanyak 94.3% dan 84.0% daripada jumlah keseluruhan setiap sampel tanah tersebut. Tanah liat dan tanah gambut mempunyai sifat dan tekstur yang agak berbeza, tetapi keduanya banyak digunakan untuk aktiviti pertanian. Kawasan tanah pertanian mengandungi bahan organik terutamanya yang berasal daripada tumbuhan. Bahan organik terdiri daripada kanji, lemak, asid organik, protein dan juga sebatian amino. Kesemua bahan ini membekalkan kandungan nitrogen dan karbohidrat yang diperlukan oleh bakteria dalam tanah. Selain itu, larutan tanah juga banyak membekalkan pelbagai garam bukan organik yang diperlukan oleh bakteria (Singh 1975). Oleh itu, tanah pertanian adalah kaya dengan bakteria yang merupakan sumber makanan bagi ameba. Maka, tanah dari jenis ini adalah amat sesuai sebagai habitat bagi ameba dan kehadiran *Acanthamoeba* spp. yang tinggi dalam tanah liat dan tanah gambut adalah munasabah.

*Acanthamoeba* spp. juga berjaya dipencilkan daripada sampel tanah pasir dan tanah laterit walaupun pada peratusan yang lebih rendah iaitu masing-masing meliputi 18.9% dan 15.0% daripada jumlah keseluruhan setiap sampel tanah tersebut. Dalam kajian ini, sampel tanah pasir diambil di sepanjang pesisiran pantai. Tanah pasir pada kawasan daratan di sepanjang tepi laut adalah terdedah kepada pancaran cahaya matahari yang terik. Keadaan tersebut menyebabkan tahap haba yang diterima oleh tanah pasir adalah tinggi dan keadaan panas yang melampau tidak menyokong pertumbuhan *Acanthamoeba* spp. (Bottomley 1999) begitu juga kandungan bahan organik yang lebih rendah pada tanah pasir dan laterit. Oleh itu, keadaan ini juga dapat menjelaskan peratusan yang rendah dalam pemencilan *Acanthamoeba* spp. daripada sampel tanah pasir.

Perubahan dalam kualiti sumber makanan menjadi faktor penting dalam menentukan kehadiran organisma protozoa dalam tanah. Selain itu, perubahan dalam suhu dan kandungan lembapan tanah, kepelbagaian dalam jumlah dan jenis bahan organik tanah, kedalaman dan kadar penguraian bahan organik dalam tanah serta jenis bahan asal tanah dapat menjelaskan perbezaan dalam jumlah pemencilan organisma dalam pelbagai jenis tanah (Ingham 1999). Hasil penemuan *Acanthamoeba* spp. daripada pelbagai sampel tanah dalam kajian ini membuktikan bahawa ameba ini sememangnya wujud dalam persekitaran tanah. Walaupun peranan tanah sebagai takungan bagi ameba berpatogen masih lagi belum dapat dipastikan, tanah boleh dikatakan sebagai habitat yang ideal bagi ameba hidup bebas ini dan kehadiran *Acanthamoeba* spp. dalam pelbagai persekitaran lain adalah disebabkan oleh penyebarannya daripada persekitaran tanah (Singh 1975). Majoriti pemencilan *Acanthamoeba* adalah daripada jenis kumpulan Polyphagids yang biasanya terkenal sebagai kumpulan yang patogenik. Ini adalah penemuan yang agak membimbangkan khasnya berkaitan risiko mendapat jangkitannya.

#### RUJUKAN

Bottomley, P.J. 1999. Microbial Ecology. Dlm. Sylvia, D.M., Fuhrmann, J.J., Hartel, P.G. & Zuberer, D.A. (pnnt.). Principles and applications of soil

- microbiology, hlm. 149-167. New Jersey: Prentice Hall.
- Clarholm, M. 1981. Protozoan grazing of bacteria in soil: impact and importance. *Microbial Ecology* 7: 343-350.
- Gregorich, E.G., Turchenek, L.W., Carter, M.R. & Angers, D.A. (pngr.). 2002. *Soil and Environmental Science Dictionary*. London: CRC Press.
- Ingham, E.R. 1999. Protozoa and nematodes. Dlm. Sylvia, D.M., Fuhrmann, J.J., Hartel, P.G. & Zuberer, D.A. (pnnt.). Principles and applications of soil microbiology, hlm. 114-131. New Jersey: Prentice Hall.
- Kamel, A.G.M., Faridah, H., Yusof, S., Norazah, A. & Nakisah, M.A. 2004. A case of trauma related *Acanthamoeba* keratitis. *Tropical Biomedicine* 21(2):135-138.
- Kamel, A.G.M., Haniza, H., Anisah, N., Yusof, S., Faridah, H., Norhayati, M. & Norazah, A. 2005. More *Acanthamoeba* keratitis cases in Malaysia. *International Medical Journal* 12(1): 7-9.
- Mergeryan, H. 1991. The prevalence of *Acanthamoeba* in the human environment. *Reviews of Infectious Diseases* 13 (Suppl 5): S390-391.
- Mohamed Kamel, A.G. & Norazah, A. 1995. First case of *Acanthamoeba* keratitis in Malaysia. *Transactions of the Royal Society of Tropical Medicine and Hygiene* 89(6): 652.
- Mohamed Kamel, A.G., Anisah, N., Yusof, S., Michael, L., Norhayati, M. & Norazah, A. 2003. *Acanthamoeba* keratitis is not so rare in Malaysia. *Medical Journal Malaysia* 58(Suppl E): 36.
- Mohamed Kamel, A.G., Faridah Hanom, A., Norazah, A. & Noor Rain, A. 1996. Contact lens-related *Acanthamoeba* keratitis in Malaysia. *Transactions of the Royal Society of Tropical Medicine and Hygiene* 90: 453.
- Mohamed Kamel, A.G., Faridah Hanom, A., Norazah, A., Noor Rain, A., Hay, J. & Seal, D. 2000. A case of waterborne contact lens associated *Acanthamoeba* keratitis from Malaysia: Successful treatment with chlorhexidine and propamidine. *International Medical Journal* 7(1): 63-65.
- Nakisah, M.A. & Zaiton, M.N. 1986. A study on the occurrence of *Acanthamoeba polyphaga* in three different types of soil. 9<sup>th</sup> Malaysian Microbiology Symposium. Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, 22-23 Ogos.
- Page, F.C. 1967a. Re-definition of the genus *Acanthamoeba* with descriptions of three species. *Journal of Protozoology* 14: 604-607.

- Schaumberg, D.A., Snow, K.K. & Dana, M.R. 1998. The epidemic of *Acanthamoeba* keratitis: where do we stand? *Cornea* 17: 3-10.
- Seal, D.V. 1995. *Acanthamoeba* keratitis: Experience from India. *Community Eye Health* 8(15): 3.
- Sharma, S., Garg, P. & Rao, G.N. 2000. Patient characteristics, diagnosis and treatment of non-contact lens related *Acanthamoeba* keratitis. *British Journal of Ophthalmology* 84(10): 1103-1108.
- Singh, B.N. 1975. Pathogenic and non-pathogenic amoebae. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Stout, J.D. & Heal, O.W. 1967. Protozoa in soil biology. New York: Academic Press.
- Subba-Rao, N.S. 1977. Soil microorganisms and plant growth. New Delhi: Oxford and IHB Publishing Co.

Mohamed Kamel Abd. Ghani\*  
Mimi Fazah  
Program Sains Bioperubatan,  
Fakulti Sains Kesihatan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
Jalan Raja Muda Abdul Aziz  
50300 Kuala Lumpur, Malaysia

Anisah Nordin  
Yusof Suboh  
Noraina Abdul Rahim  
Jabatan Parasitologi dan Entomologi Perubatan,  
Fakulti Perubatan, PPUKM,  
Jalan Yaacob Latif,  
Bandar Tun Razak,  
56000 Batu 9 Cheras,  
Kuala Lumpur

Norazah Ahmad  
Institut Penyelidikan Perubatan,  
50588 Jalan Pahang,  
Kuala Lumpur, Malaysia

\*Corresponding author: profkamel@ukm.edu.my

# **BULETIN SAINS KESIHATAN (BSK)**

## **Panduan Kepada Penyumbang**

### **SKOP**

Buletin Sains Kesihatan (BSK) ialah sebuah jurnal ilmiah berwasit yang komited kepada perkembangan dapatan penyelidikan dalam pelbagai bidang sains kesihatan dan perubatan serta teknologi berkaitan. Ia meliputi makalah dalam pelbagai aspek sains kesihatan, penyelidikan klinikal dan juga pra klinikal. Antara bidang tersebut termasuklah audiologi, biokimia, pergigian, dietetik, pengimejan perubatan, sains bioperubatan, sinaran perubatan, pemakanan, optometri, farmakologi, farmasi, fisiologi, fisioterapi, terapi carakerja, sains forensik, kesihatan masyarakat, psikologi kesihatan, kesihatan persekitaran, sains pertuturan dan sains sukan. Buletin ini menerbitkan kertas asli, komunikasi pendek, laporan kes dan nota penyelidikan yang menarik minat ramai para sarjana. BSK diterbitkan oleh Sidang Pengarang daripada Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Selain itu para sarjana terkenal daripada universiti dalam dan luar negara dilantik sebagai ahli lembaga penasihat dan penilai artikel yang dikemukakan.

### **PROSEDUR PENYERAHAN MANUSKRIP**

Buletin Sains Kesihatan menerbitkan manuskrip yang ditulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Manuskrip yang diserahkan untuk diterbitkan dalam jurnal ini hendaklah karya asli yang belum pernah diterbitkan atau tidak dihantar serentak untuk pertimbangan oleh mana-mana penerbitan lain. Manuskrip perlu ditaip selang dua baris, ruangan tunggal dan saiz font 12 Times New Roman di atas kertas bersaiz A4 tidak melebihi 15 mukasurat bagi kertas asli (6 mukasurat bagi komunikasi pendek, laporan kes dan nota penyelidikan) dan hendaklah diserahkan melalui sistem atas talian.

Segala surat-menyurat mengenai makalah serta perkara yang berkenaan hendaklah dialamatkan kepada:

Ketua Editor  
BULETIN SAINS KESIHATAN  
Fakulti Sains Kesihatan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
Jalan Raja Muda Abdul Aziz 50300  
Kuala Lumpur, Malaysia.

E-mail: rahaida@ukm.edu.my

### **FORMAT DAN GAYA**

Tajuk sesuatu manuskrip perlulah ringkas, deskriptif, dan seharusnya tidak melebihi 15 perkataan. Setiap manuskrip harus mempunyai abstrak, 150 hingga 250 perkataan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang memperihalkan isi utamanya. Sekiranya manuskrip ditulis dalam bahasa Melayu, abstrak dan tajuk dalam bahasa Inggeris perlu disertakan.

Secara am, pembahagian isi merangkumi Pengenalan, Bahan dan Kaedah, Hasil dan Perbincangan, Kesimpulan dan Rujukan. Setiap manuskrip mesti disertakan dengan 3-5 kata kunci.

Semua ilustrasi termasuk rajah, carta dan graf, mesti dilabel dan disediakan dalam halaman yang berasingan daripada teks. Kedudukan ilustrasi seperti yang dikehendaki dalam teks hendaklah ditanda dengan jelas. Semua ilustrasi ini harus dirujuk dan dinomborkan secara berurutan sebagai rajah. Semua ilustrasi hendaklah sama ada dilukis dengan jelas menggunakan dakwat kekal, difotografkan dalam bentuk hitam putih atau warna dan dicetak di atas kertas yang bermutu, atau dalam bentuk imej digital, dan disediakan dalam bentuk *camera-ready*.

Rujukan dalam teks hendaklah menggunakan sistem nama penulis dan diikuti oleh tahun penerbitan. Satu senarai rujukan yang disusun mengikut abjad hendaklah dimasukkan di bahagian akhir sesebuah manuskrip. Kesemua rujukan yang dipetik dalam teks haruslah muncul dalam senarai rujukan. Para penulis bertanggungjawab memastikan ketepatan dan kesempurnaan maklumat dalam senarai rujukan. Semua manuskrip mesti mengikut garis panduan rujukan Penerbit, Universiti



Kebangsaan Malaysia atau *The Chicago Manual of Style* (University of Chicago Press). Gaya rujukan yang digunakan haruslah konsisten di semua bahagian manuskrip.

#### **HAKCIPTA**

Para penulis bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan manuskrip mereka tidak melanggar mana-mana hak cipta yang sedia ada. Para penulis seharusnya mendapat keizinan untuk menerbitkan semula atau mengubahsuai bahan-bahan yang mempunyai hak cipta, dan menunjukkan bukti keizinan tersebut semasa menyerahkan naskah akhir manuskrip.

#### **PROSES PENILAIAN**

Sesebuah manuskrip akan dinilai oleh Sidang Editor dan sekurang-kurangnya seorang pewasit bebas. Keputusan tentang penerbitan sesebuah manuskrip didasarkan kepada saranan ahli-ahli lembaga ini. Sesebuah manuskrip akan dinilai berasaskan kesesuaiannya dengan Buletin Sains Kesihatan, sumbangan kepada disiplin ilmu, kejituan analisis, keluasan konseptual, persembahan yang jelas, dan kesempurnaan teknikal. Nama penuh dan afiliasi semua penulis manuskrip hendaklah dinyatakan pada halaman depan yang dibuat secara berasingan dengan manuskrip. Manuskrip yang diserahkan oleh mana-mana anggota Sidang Editor juga tertakluk kepada prosedur penilaian yang sama.

#### **NASKAH SEMAKAN**

Satu set pruf akan dihantar kepada penulis bagi tujuan penyemakan kesilapan percetakan. Adalah menjadi tanggungjawab penulis untuk memaklumkan sebarang pembetulan kepada Sidang Editorial

# **BULLETIN OF HEALTH SCIENCES (BHS)**

## **Guide to Contributors**

### **SCOPE**

The Bulletin of Health Sciences (BHS) is a refereed journal committed to the advancement of scholarly knowledge and research findings of health and medical sciences and the related technology. It contains articles on every aspect of health sciences, pre clinical and clinical related research. These include audiology, biochemistry, dentistry, dietetic, medical imaging, biomedical science, radiotherapy, nutrition, optometry, pharmacology, pharmacy, physiology, physiotherapy, occupational therapy, forensic science, public health, health psychology, environmental health, speech science and sports science. The bulletin publishes original articles, short communications, case reports and research notes whose content and approach are of interest to a wide range of scholars. BHS is published by an autonomous Editorial Board drawn from the Faculty of Health Sciences, Universiti Kebangsaan Malaysia. In addition, distinguished scholars from local and foreign universities are appointed to serve as referees and advisory board members.

### **SUBMISSION PROCEDURE**

The bulletin publishes manuscripts written in the Malay and English language. Manuscript submitted to the journal for publication should be original contribution and must not have been previously published or is under consideration simultaneously by any other publication.

The manuscript should be typed with double spacing, single column and font size 12 Times New Roman on A4 paper not exceeding 15 pages for original articles (6 pages for research notes, short communications and case reports) and should be submitted using the online submission system.

All correspondence pertaining to articles and related matters should be addressed to:

Editor-in-Chief  
BULLETIN OF HEALTH SCIENCES  
Faculty of Health Sciences,  
The National University of Malaysia.  
Jalan Raja Muda Abdul Aziz 50300  
Kuala Lumpur, Malaysia.

E-mail: rahaida@ukm.edu.my

### **FORMAT AND STYLE**

The title of a manuscript should be concise, descriptive and preferably not exceeding 15 words. The manuscript must include an abstract, describing its main points within 150 - 250 words in the Malay and English language. If the manuscript is written in Malay, it must also have an English abstract and title.

In general, the contents should comprise of Introduction, Materials and Methods, Results and Discussion, Conclusion, Acknowledgement and References. The manuscript should be supplied with 3-5 keywords.

All illustrations including figures, charts and graphs, must be labelled and supplied on pages separate from the text. The desired placement in the text should be clearly indicated. These illustrations should be referred to and numbered serial, as figures. All illustrations should be clearly drawn in permanent ink or photographed in sharp black and white and reproduced in the form of high - contrast glossy prints or digital images and provided in camera ready form.

References in the text should be denoted by giving the name(s) of the author(s). All alphabetically ordered references list should be included at the end of the manuscript. All references cited in the text must appear in the reference list. Authors are responsible for the accuracy and completeness of all information in the reference. Manuscripts must conform to the references in Penerbit UKM style or the Chicago Manual of Style (University of Chicago Press). The references style adopted should be consistent throughout the manuscript.

### **COPYRIGHT**

It is the author's responsibility to ensure that his or her submitted work does not infringe any existing copyright. Authors should obtain permission to reproduce or adapt copyrighted material and provide evidence of approval upon submitting the final version of a manuscript.

### **REVIEW PROCESS**

Manuscripts will be reviewed by the Editorial Board and at least one independent referee. Decisions regarding the publication of a manuscript will be based on the Board's recommendations. The manuscript will be evaluated based on its appropriateness for the Bulletin of Health Sciences (BHS), contribution to the discipline, cogency of analysis, conceptual breadth, clarity of presentation and technical adequacy. Manuscripts submitted by members of the journal's Editorial Board are subjected to the same review procedure.

### **PROOFS**

One set of proofs will be sent to the author(s) to be checked for printer's errors and it is the responsibility of the author(s) to submit corrections to the Editorial Board.

BULETIN SAINS KESIHATAN (BSK) ialah sebuah jurnal ilmiah berwasit yang diterbitkan dua kali setahun secara atas talian oleh Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Ia menerbitkan makalah dalam bidang sains kesihatan dan perubatan serta teknologi yang berkaitan. Makalah ditulis dalam bahasa Melayu atau Inggeris dan boleh berbentuk kertas asli, komunikasi pendek, laporan kes atau nota penyelidikan. Tujuan utama jurnal ini ialah untuk menyediakan saluran bagi menerbitkan karya penyelidikan yang dijalankan dalam bidang sains kesihatan di Universiti Kebangsaan Malaysia dan mengalu-alukan sumbangan karya dari dalam dan luar negara.

Segala surat menyurat mengenai makalah serta perkara yang berkenaan hendaklah dialamatkan kepada:

*BULLETIN OF HEALTH SCIENCES (BHS) is a peer reviewed online journal published biannually by the Faculty of Health Sciences, National University of Malaysia. It publishes articles in the field of medical and health sciences and the related technology. Articles are published in Malay or English and can be written as original articles, short communications, case reports and research notes. The primary purpose of this journal is to act as a channel for the publication of research work on health sciences undertaken at Universiti Kebangsaan Malaysia and contribution of articles from within and outside the country is most welcomed.*

*All correspondence pertaining to articles and related matters should be addressed to:*

Ketua Editor / *Editor-in-Chief*  
BULETIN SAINS KESIHATAN  
Fakulti Sains Kesihatan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
Jalan Raja Muda Abdul Aziz 50300  
Kuala Lumpur, Malaysia.

E-mail: rahaida@ukm.edu.my



ISSN 2550-1852



Diterbitkan Oleh

Fakulti Sains Kesihatan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Jalan Raja Muda Abdul Aziz  
50300, Kuala Lumpur  
Malaysia

[www.ukm.my/fsk](http://www.ukm.my/fsk)

Dicetak Oleh UKM Cetak 2018